


Jilid I
Bil. 5



Hari Khamis
6hb Julai, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament


PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT PERTAMA

First Meeting

Jilid I
Bil. 5



Hari Khamis
6hb Julai, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT PERTAMA

First Meeting

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
—Y.B. Tuan Saad bin Haji Man [Ruangan 49]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995
[Ruangan 70]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997

MALAYSIA

PARLIMEN KESEMBILAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).

„ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN DING SELING (Dilantik).

„ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik-Wilayah Persekutuan).

„ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).

„ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).

„ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik-Wilayah Persekutuan Labuan).

„ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).

„ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).

„ DATUK JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).

„ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).

„ TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- „ DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH *alias* HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- „ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' TING CHECK SH, D.I.M.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' G. VADIVELLO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

„ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

„ TUAN M. ZEEVILL *alias* SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajah Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb Julai, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

11.7.95

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SEKTOR PEMBUATAN DAN
PERKHIDMATAN-GALAKAN
KERAJAAN

1. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan usaha-usaha untuk mempromosikan barangan perkilangan keluaran negara ini supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa dan juga cara-cara kementerian ini memajukan lagi kepesatan pembangunan industri negara.

10.7.95

39. Dato' Soong Siew Hong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat mana sasaran-sasaran indikatif yang ditetapkan bagi berbagai-bagai sektor perindustrian di bawah Pelan Induk Perindustrian 1986-1995 telah dicapai. Apakah sektor-sektor perindustrian yang akan diberi keutamaan dalam pembangunan di bawah Pelan Induk Perindustrian baru nanti.

22. Dato' Soong Siew Hoong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah, jika ada, strategi dan tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan dan membantu sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan memakai teknologi maklumat dalam berbagai-bagai aspek perniagaan mereka agar barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka dapat bersaing dengan lebih berkesan di pasaran antarabangsa yang sedang menghadapi persaingan yang makin hebat. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan oleh Yang Berhormat Dato' Soong Siew Hoong yang berkaitan dengan tajuk yang sama pada 10.7.1995 dan 11.7.1995 bersama-sama soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha mempromosikan barang-barang perkilangan Malaysia di pasaran antarabangsa meliputi:

- (i) program-program rombongan galakan perdagangan ke pasaran-pasaran baru dan tradisional;
- (ii) penyertaan di pameran-pameran perdagangan antarabangsa, di pasaran-pasaran tradisional dan pasaran negara-negara Selatan;

- (iii) penganjuran "Minggu Malaysia";
- (iv) membantu industri kecil dan sederhana memasuki pasaran eksport melalui skim Industrial Technical Assistance Fund";
- (v) program bantuan teknikal dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan luar negeri seperti JETRO dan CBI;
- (vi) mewujudkan pusat pameran tetap di MATRADE untuk memperkenalkan barangan eksport kepada pembeli dan pengeksport asing;
- (vii) menggalakkan penganjuran pameran-pameran perdagangan yang bertaraf antarabangsa di Malaysia;
- (viii) skim mempromosikan barangan perkilangan keluaran industri kecil dan sederhana melalui General Trading Companies; dan
- (ix) melalui penerbitan-penerbitan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan Pelan Induk Perindustrian pada tahun 1985 sektor perkilangan telah berkembang dengan pesat pada kadar 13.3% bagi tempoh tahun 1986 hingga 1994. Pada tahun 1994 sektor perkilangan telah menyumbang sebanyak 31.6% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kira-kira 50% daripada nilai ditambah.

Prestasi pencapaian sektor ini berbanding dengan sasaran indikatif yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Perindustrian (PIP) juga amat memberansangkan.

Mengikut kajian semula PIP yang dijalankan pada tahun 1993, 10 daripada 13 subsektor industri telah melepasi matlamat sasaran tersebut. Pecahan terperinci pencapaian subsektor-subsektor industri utama ini adalah seperti berikut:

<i>Subsektor Industri</i>	<i>Target PIP (%)</i>	<i>Pencapaian Sebenar 1986-1992 (%)</i>
1. Keluaran Getah	12.8	18.5
2. Keluaran Kayu-Kayan	6.1	17.4
3. Elektrik & Elektronik	11.0	30.5
4. Pengangkutan	7.4	15.8
5. Keluaran Jentera dan Kejuruteraan	11.4	30.2
6. Besi dan Keluli	17.6	30.8
7. Tekstil dan Apparel	10.2	14.4

Tuan Yang di-Pertua, tempoh Pelan Induk Perindustrian pertama yang akan berakhir pada penghujung tahun ini. Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020, pembangunan sektor perkilangan akan terus dipergiatkan. Bagi merangka Dasar Perindustrian Negara seterusnya mulai Februari tahun ini kajian post-IMP, dengan izin telah dilancarkan oleh kerajaan dengan objektif-objektif seperti berikut:

- (i) untuk menghuraikan profil struktur dan prestasi sektor perkilangan dengan menggunakan kaedah industri berkelompok (industrial clusters);
- (ii) untuk menganggarkan potensi dan peluang pasaran antarabangsa bagi setiap kumpulan industri yang dikenal pasti;
- (iii) untuk menganalisis potensi peningkatan keluaran nilai ditambah, kandungan tempatan dan rantaian industri di dalam setiap kelompok industri yang dikenal pasti; dan
- (iv) untuk merangka strategi pembangunan untuk setiap kelompok industri bagi tempoh jangka masa pertengahan dan

jangka masa panjang bagi tempoh 1995 hingga 2005 serta menetapkan sasaran pembangunan bagi setiap kelompok industri berdasarkan "rolling plan", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, adalah

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi jawapannya?

Tuan Kerk Choo Ting: Ya, masih panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Tuan Kerk Choo Ting: Ya, ini ada 3 soalan yang bersangkutan-paut.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bertanya mempromosikan dan satu lagi cara-cara. Sila.

Tuan Kerk Choo Ting: Ya. Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya boleh pendekkan dalam satu dua ayatlah.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus, sila.

Tuan Kerk Choo Ting: Selain daripada itu, kerajaan akan mengadakan satu kajian Post-IMP dan mewujudkan satu situasi di mana negara kita boleh mencapai Wawasan 2020 dengan informative network, dengan teknologi baru dan dengan teknik pasaran-pasaran at the moment. Itulah sahaja.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim, sila bataskan kepada satu soalan sahaja. Janganlah dua, satu cukuplah.

Tuan Rahim bin Baba: Satu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja.

Tuan Rahim bin Baba: Saya walaupun mempunyai dua soalan, tetapi sebagai patuh kepada Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh satukan.

Tuan Rahim bin Baba: Satu.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh disatukan.

Tuan Rahim bin Baba: Disatukan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. (*Ketawa*)

Tuan Rahim bin Baba: Oh! Boleh disatukan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi pandai-pandailah.

Tuan Rahim bin Baba: Soalan saya ialah di samping galakan-galakan yang diberi oleh pihak kementerian tadi, saya tidak mendengar sebarang galakan dari segi cukai. Umpamanya rebet cukai kepada syarikat-syarikat yang berjaya menembusi pasaran luar negara.

Sekarang saya fikir masanya telah pun sampai, kita bukan hanya melihat dari segi mempromosikan barang-barang perkilangan tetapi saya fikir pihak kementerian juga adalah bertanggung-jawab untuk mempromosi syarikat-syarikat Malaysia di luar negara. Jadi, adakah pihak kementerian mempunyai program-program tertentu untuk mempromosikan syarikat-syarikat Malaysia? Umpamanya untuk mendapatkan kerja-kerja ataupun tender-tender ataupun projek-projek di luar negara.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya pendek. Sebenarnya kita ada insentif cukai untuk eksport.

Yang kedua, kita sedang membuat segala promosi untuk syarikat-syarikat Malaysia. Rancangan-rancangan ini meliputi banyak kementerian seperti

Kementerian Kerja Raya, MITI dan kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kegiatan perindustrian di pantai timur Semenanjung Malaysia?

Tuan Kerk Choo Ting: Jawapannya, ya.

PENGGAJIAN PEKERJA TEMPATAN OLEH SYARIKAT USAHASAMA LUAR NEGARA

2. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah suatu pemeriksaan ada dibuat oleh Jabatan Buruh kepada syarikat-syarikat usahasama luar negara yang menubuh kilang mereka benar-benar memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan benar-benar menepati konsep "transfer of technology" dipraktikkan; dan
- (b) adakah kementerian setuju bahawa syarikat atau kilang-kilang yang mengeluarkan iklan pekerjaan dengan menyatakan bahawa untuk sesuatu kaum sahaja iaitu seperti "Chinese only" tidak menggambarkan semangat "Malaysian" yang tulen, jika ya, apakah tindakan kementerian selanjutnya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh melakukan pemeriksaan penguatkuasaan berkala ke atas semua tempat pekerjaan, termasuk syarikat-

syarikat usahasama luar negara bagi memastikan undang-undang dan dasar-dasar perburuhan negara dipatuhi. Bagi syarikat-syarikat berkenaan yang menggaji banyak pekerja rakyat asing, Jabatan Buruh menubuhkan Pasukan Petugas Mengenai Penggajian Pekerja Asing di setiap Pejabat Buruh Negeri dan Cawangan, khusus untuk mengawalselia keadaan penggajian pekerja asing. Pasukan Petugas tersebut di antara lainnya memastikan penggajian pekerja asing itu tidak menjejaskan peluang pekerjaan dan kepentingan pekerja tempatan serta mereka menerima kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama dengan pekerja-pekerja tempatan bagi jenis kerja yang serupa. Pasukan Petugas ini bekerjasama rapat dengan pihak-pihak berkuasa lain seperti Jabatan Imigresen jika didapati majikan-majikan telah melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan tersebut.

- (b) Kementerian ini sedar bahawa tindakan mengeluarkan iklan jawatan yang menawarkan pekerjaan khusus untuk sesuatu kaum sahaja tanpa asas-asas munasabah boleh membantutkan usaha-usaha kerajaan mempereratkan perpaduan dan menyemarakkan semangat bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah didapati iklan-iklan seumpama ini dibuat bukan atas sebab-sebab perkauman tetapi dibuat kerana keperluan khas bagi jawatan yang diiklankan yang tidak sesuai dijawab oleh kaum tertentu. Misalnya jawatan Pelayan di sesebuah restoran Cina, guru-guru kelas fardu ain di kilang-kilang, pelayan-pelayan di kedai minuman keras dan sebagainya.

KEGIATAN SUKARELAWAN— PENYELARASAN

3. Tuan Ng See Tiong minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi membolehkan gerakan menyelaras dan mengukuhkan kegiatan sukarelawan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, salah satu matlamat dasar kebajikan masyarakat negara ialah memupuk penglibatan aktif masyarakat dalam mengukuhkan budaya ikram. Sehubungan dengan ini, penglibatan orang ramai menerusi kegiatan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela adalah dialu-alukan, diberi perhatian dan sokongan. Langkah-langkah penyelarasan telah diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memastikan aktiviti pertubuhan kebajikan sukarela sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa dan kegiatan sukarelawan di seluruh negara dapat diperkukuhkan.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) memastikan semua pertubuhan kebajikan sukarela terutamanya yang menerima geran tahunan dari jabatan menghantar laporan kemajuannya sekurang-kurangnya 2 kali setahun kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (ii) memastikan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang ditubuhkan mengikut golongan sasaran masing-masing mempunyai majlis-majlis induk yang bertindak sebagai penaung seperti yang wujud sekarang;
- (iii) menubuhkan Majlis Kebajikan Masyarakat di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh ahli Exco Kebajikan negeri masing-

masing. Pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang ada di negeri adalah menjadi ahli kepada Majlis ini; dan

- (iv) mewujudkan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MKMKM) sebagai badan penyelaras bagi pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela Malaysia.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Difahamkan bahawa pasukan sukarelawan seperti pasukan polis dan juga pasukan RELA, elaun yang diberikan kepada mereka ini terlampau rendah. Adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini dengan menaikkan elaun?

Yang kedua, adakah pasukan bomba sukarela diberi elaun juga?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga sukarelawan yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

RUMAH KOS RENDAH/ BANGUNAN TINGGI/KOMPLEKS MEMBELI-BELAH— JUMLAH DIBINA

4. Dr. Ng Yen Yen minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan rumah murah yang dapat dibina sehingga akhir tahun 1994. Adakah bilangan menepati matlamat kerajaan, sekira tidak, apakah langkah-langkah yang telah diambil; dan
- (b) bilangan bangunan tinggi dan kompleks membeli belah dibina sehingga akhir tahun 1994.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sasaran kerajaan untuk membina rumah kos rendah oleh sektor awam dan swasta ialah 343,800 unit. Sehingga 31 Disember 1994, jumlah unit rumah yang siap dibina ialah 220,875 atau pencapaiannya sebanyak 64.2% dari sasaran. Setakat ini prestasi yang ditunjukkan oleh sektor swasta di dalam membina rumah kos rendah adalah agak memuaskan. Dari sasaran sektor swasta, sebanyak 217,000 unit. Setakat ini sektor tersebut telah menyiapkan sebanyak 182,624 unit iaitu pencapaian sebanyak 84%. Pada akhir Rancangan Malaysia Keenam, sektor swasta dijangka membina 214,889 unit rumah iaitu pencapaian 99% daripada sasarannya. Sektor awam terutamanya yang melibatkan rumah awam kos rendah Kerajaan-kerajaan Negeri tidak menunjukkan prestasi yang menggalakkan.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kelewatan dan kelembapan prestasi perumahan awam kos rendah ialah dengan memperkemas sistem penyelarasan dan pengesanan di peringkat Persekutuan dan Negeri melalui mesyuarat bulanan jawatankuasa penyelarasan dan pengesanan projek-projek perumahan awam kos rendah di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, penilaian semula dibuat untuk membolehkan projek-projek dalam peringkat perancangan awal ditender sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Tindakan juga telah dibuat supaya pelaksanaan projek dipercepatkan melalui tender atau runding terus.

Tindakan-tindakan lain yang telah diambil untuk memperbaiki prestasi sektor awam ialah dengan menyediakan pelan setara dan pelan ubahsuai rumah kos rendah supaya pelaksanaan projek-projek dapat dilaksanakan dengan segera.

- (b) Mengenai bilangan bangunan tinggi dan kompleks membeli-belah yang dibina sehingga tahun 1994, angka-angka mengenainya sebenarnya adalah direkodkan oleh masing-masing pihak berkuasa tempatan. Jika Yang Berhormat masih berkehendakkan maklumat ini, ianya memerlukan masa untuk pihak kementerian mengumpul data-data tersebut dari pihak berkuasa tempatan.

Dato' (Ir.) Ng Thian Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kerajaan belum mencapai matlamat bilangan rumah murah. Satu sebab yang selalu diberi oleh pemaju rumah ialah kerana bahan-bahan pembinaan tidak mencukupi. Dan baru-baru ini kita pun lihat daripada surat khabar di mana banyak aduan telah dibuat daripada kontraktor-kontraktor atau pemaju-pemaju rumah. Adakah kekurangan simen itu salah satu yang menyebabkan kekurangan bilangan rumah murah? Apakah sebab sebenarnya simen itu tidak mencukupi untuk menolong pemaju memajukan rumah murah itu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan simen ataupun kenaikan harga simen yang melambung tinggi di pasaran gelap ataupun, dengan izin, 'black market' hanya berlaku di akhir-akhir ini, iaitu pada tahun ini tetapi sasaran rumah kos rendah ini telah pun dibuat mulai tahun 1991 sehingga 1995.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, pencapaian sektor swasta ialah 99% di akhir tahun ini, tetapi pencapaian pihak kerajaan ataupun pihak awam mungkin hanya lebih kurang 30% sahaja. Ini menunjukkan bahawa pencapaian sektor swasta begitu baik, sedangkan pencapaian sektor awam begitu lemah sekali. Kalau masalah simen menjadi sebab, maka sudah tentulah kedua-duanya tidak akan dapat mencapai pencapaian yang baik. Tetapi di sini, kita nampak pencapaian sektor swasta begitu baik, tetapi pencapaian sektor awam kurang memuaskan. Mungkin ada sebab-sebab lain yang menyebabkan pencapaian ini kurang baik.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah pun mengakui bahawa pencapaian sektor swasta adalah jauh lebih baik daripada sektor awam. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mencapai matlamat rumah murah ini supaya segala projek yang sedang dijalankan oleh sektor awam sekarang diserahkan kepada sektor swasta ataupun diswastakan?

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, setengah-setengah projek rumah murah biasanya terbengkalai kerana setengah-setengah pemaju lebih suka membuat rumah-rumah berharga mahal dahulu dan selepas itu membiarkan rumah harga murah terbengkalai. Jadi, adakah pihak kementerian akan mensyaratkan sebelum sebarang sijil 'development order' dikeluarkan, supaya rumah-rumah murah dibina terlebih dahulu ataupun sekurang-kurangnya serentak dengan rumah-rumah yang berharga mahal.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita lihat kepada pencapaian yang telah dicapai oleh pihak swasta iaitu 99% dalam Rancangan Malaysia Keenam, maka saya merasakan bahawa pencapaian ini sangat-sangatlah memuaskan.

Satu perkara lagi, kalau misalnya di pihak swasta, perumahan kos tinggi disarankan hanya 15,000 buah, tetapi pencapaiannya lebih kurang 59,000 buah, sedangkan di pihak sektor awam, perumahan kos tinggi 2,600 buah tetapi pencapaiannya tidak pun sampai 1,500 buah. Ini membuktikan bahawa daripada segi pencapaian, sektor swasta pencapaiannya lebih baik daripada sektor awam.

Berbalik kepada persoalan yang pertama tadi sama ada lebih baik bagi kerajaan-kerajaan negeri ataupun perbadanan menswastakan pembinaan rumah murah, sebenarnya rumah-rumah murah ini memangnya telah pun dikontrakkan pembinaannya kepada kontraktor-kontraktor. Tetapi masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri adalah penyediaan tapak untuk mendapatkan tanah-tanah bagi pembinaan rumah kos rendah. Kadang kala tugas untuk mengambil alih tanah ataupun membeli tanah ini mengambil masa yang begitu panjang sekali, sedangkan di pihak swasta disyaratkan pembinaan 30% rumah murah. Maka itulah sebabnya apabila mereka membina rumah-rumah, dengan sendirinya 30% tadi siap dibina rumah murah.

BANK LUAR PESISIR LABUAN (IOFC)—JUMLAH

5. Tuan Ding Seling minta Menteri Kewangan menyatakan berapakan bilangan bank dan institusi kewangan dari luar negeri yang kini telah ditubuhkan dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bank luar pesisir Labuan yang telah ditubuh dan beroperasi adalah sebanyak 41 di mana 34 adalah terdiri daripada bank dan institusi kewangan luar negeri, iaitu Jepun 13, Malaysia 7,

United Kingdom 5, Perancis 4, Amerika Syarikat 3 dan selainnya adalah negara-negara lain.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Langkawi sebagai pusat kewangan luar pesisir yang kedua di Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Langkawi mempunyai kekuatan dan tarikan tersendiri, ini termasuklah pelancongan, pusat persidangan dan kawasan bebas cukai. Oleh yang demikian, Labuan akan kekal sebagai satu-satunya IOFC di negara kita.

Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan melalui institusi kewangan tersebut di Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, di antara prinsip yang digunakan di Labuan sebagai pusat kewangan pesisir ialah bahawa transaksi kewangan itu dirahsiakan, kerana ia tidak terlibat dan terikat dengan Bafia, iaitu perundangan di bawah Bank Negara. Walau bagaimanapun, transaksi secara umum boleh diberitahu, cuma saya tidak mempunyai angka-angka terperinci sekarang.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bank dan institusi kewangan di luar negeri yang beroperasi di negara ini menjadi saingan dan menjejaskan bank-bank dan institusi-institusi tempatan dan bagaimana pula prestasi bank di negeri kita yang berada di luar negara?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya bank yang beroperasi di Labuan termasuk bank tempatan sebenarnya tidak bersaing dengan institusi kewangan dalam negeri,

kerana operasi Labuan itu hanya menyangkut kepentingan penggunaan pinjaman, dan instrument kewangan yang tidak dapat menggunakan ruang dalam negeri, kerana terikat dengan perundangan lain dan juga operasi luar negara.

Yang keduanya mengenai kegiatan bank tempatan yang beroperasi di luar negara terutamanya Maybank, Public Bank dan juga satu dua bank lain. Nampaknya kegiatan lebih menggalakkan kerana berjaya di Vietnam, Papua New Guinea dan beberapa negara lain di selatan terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Johan B.O.T Ghani.

Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

PENDATANG HARAM DI SABAH— LANGKAH MENGATASI

6. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan sekarang ini terlalu ramai pendatang haram (tanpa izin) di Sabah dan apakah langkah-langkah pihak kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah pendatang haram (tanpa izin) di Sabah ialah:

- (i) tindakan-tindakan pengusiran secara berterusan dijalankan. Dari tahun 1990 hingga 31 Mei 1995 sebanyak 63,184 tangkapan dan pengusiran telah dibuat;
- (ii) membuka dua (2) buah Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Tawau dan Sandakan. Dengan beroperasinya Pusat-pusat Tahanan Sementara ini, mulai 10.3.1995 agensi-agensi penguatkuasaan telah dapat mempertingkatkan operasi-operasi dan tindakan pengusiran; dan
- (iii) bagi pendatang tanpa izin Indonesia yang mempunyai 'work value' dan diperlukan dalam berbagai sektor ekonomi, usaha-usaha bagi memperaturkan status mereka sedang giat dilaksanakan. Melalui langkah ini kerajaan dapat memungut kutipan levi dan pekerja asing tersebut dapat menyumbang kepada keperluan tenaga kerja dan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tentu sekalilah kita mempunyai masalah dari segi sosial yang berlaku di negara kita berikutan dengan pendatang haram ini. Jadi, sama ada kerajaan telah pun mengenalpasti masalah-masalah ini dan mengambil tindakan untuk menentukan masalah sosial yang berlaku dalam negara kita, yang terlibat dengan pendatang haram ini diambil tindakan yang segera.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di antara perkara sosial yang terbesar, yang berlaku disabitkan dengan kehadiran pendatang haram tanpa izin ini ialah berkenaan dengan perumahan haram yang dibangkitkan di beberapa tempat. Memang kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk memastikan supaya penempatan rumah-rumah haram ini dihentikan. Lain-lain gejala sosial

adalah sama seperti yang dilakukan oleh warganegara kita, tetapi dia tidaklah merupakan jumlah yang besar dan kalau ianya dilakukan oleh mereka, agak mudah untuk kita mengambil tindakan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di mana satu kebakaran yang berlaku di Pulau Gaya beberapa bulan yang lalu, lebih kurang 2,000 orang terlibat dalam kebakaran itu dan dipercayai bahawa ramai daripada mereka adalah pendatang tanpa izin. Jadi, saya ingin tahu sama ada kerajaan telah mengenalpasti berapakah jumlah orang-orang pendatang tanpa izin ini yang terlibat dan bilakah mereka akan dihantar balik?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat itu adalah benar, terdapat beberapa orang yang terlibat dalam kebakaran itu terdiri daripada mereka yang merupakan pendatang haram, sebaik sahaja kalau dikenalpasti sudah tentu kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengusir mereka.

MESIN X-RAY 11KW DI KLINIK SWASTA DAN HOSPITAL— CADANGAN MENGHARAMKAN

7. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil di atas cadangan mengharamkan Mesin X-Ray 11KW ke bawah di klinik swasta dan hospital. Dalam kajian Kementerian Kesihatan berapakah bilangan mesin x-ray jenis ini berada dan beroperasi di klinik swasta dan hospital; dan
- (b) apakah kesan keburukan kepada pelanggan yang di x-ray dengan

mesin jenis ini dan apakah cadangan jenama baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan telah menjalankan kajian tentang penggunaan mesin X-ray berkuasa rendah yang kurang daripada 11 kw di negara ini dan dalam tahun 1985 telah membuat keputusan berikut:

Di dalam sesebuah institusi di mana hanya terdapat satu mesin X-ray untuk digunakan dalam radiografi asas, mesin tersebut hendaklah berkuasa sekurang-kurangnya 11 kw. Mesin X-ray berkuasa rendah yang berkuasa kurang daripada 11 kw akan dilupuskan mengikut jadual masa berikut:

Umur mesin X-ray	Tahun di mana mesin tersebut perlu dilupuskan
Lebih 20 tahun	1987
15-19 tahun	1988
10-14 tahun	1992
Kurang 10 tahun	1996

Pada masa ini, terdapat sejumlah 168 unit mesin X-ray dalam kategori ini di klinik-klinik swasta. Menjelang akhir tahun 1996, semua mesin tersebut akan dilupuskan. Terdapat sejumlah 82 mesin-mesin X-ray seumpama ini di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, mesin-mesin ini digunakan di dalam wad-wad bagi pesakit-pesakit yang "on traction", dengan izin dan tidak dapat bergerak untuk dibawa ke Jabatan X-ray utama di mana mesin-mesin yang digunakan berkuasa lebih daripada 11 kw.

- (b) dengan penggunaan mesin X-ray berkuasa tinggi, bahaya radiasi

(radiation hazards), dengan izin, akan dikurangkan dan kualiti radiograf akan ditingkatkan dan diperbaiki. Terdapat banyak mesin X-ray "state-of-the-art" berkuasa lebih daripada 11 kw terdapat di pasaran negara ini.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah sebelum kerajaan membeli mesin-mesin X-ray ini, tidak ada kajian yang dibuat atau laporan khusus yang dibuat tentang bahaya radiasi daripada mesin X-ray ini?

Yang kedua, berapakah kerugian yang mungkin Yang Berhormat boleh anggarkan kalau sebanyak 82 mesin X-ray ini dilupuskan pada tahun 1996 yang akan datang?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang kedua, satu mesin harganya ialah RM60,000. Kerajaan ada 86 buah mesin, jadi tengoklah berapa yang kita rugi.

Berkenaan dengan masalah mesin Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada ini kita telah mendapat satu pandangan dari WHO dan kita mahu 'phase out' mesin ini, sebab itulah kita jalan melalui tahun yang saya sebutkan tadi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebanyak 92 buah mesin akan dimusnahkan menjelang tahun 1996, adakah langkah-langkah untuk membeli yang baru untuk mengatasi masalah 82 buah mesin ini telah diambil dan adakah semakan perbelanjaan telah ditentukan berapa kosnya?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sejumlah 82 mesin X-ray seumpama ini di hospital kerajaan di seluruh negara. Tindakan sewajarnya sedang dan akan diambil untuk menggantikan mesin-mesin ini menjelang akhir tahun 1996, harga belum ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua: Harga belum ditentukan?

Dato' M. Mahalingam: Kita tidak tahu berapakah harga di tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

KOMODITI PERTANIAN— PENDAPATAN PER KAPITA PETANI

8. Puan Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah hitung panjang pendapatan per kapita petani-petani mengikut komoditi pertanian yang ada di negara ini;
- (b) dengan perkembangan pesat pembangunan negara apakah hasil dari komoditi tersebut kompetitif dengan pendapatan sektor lain dan relaven dengan kos sara hidup masa kini; dan
- (c) jika tidak, apakah langkah kementerian untuk menambah sumber pendapatan masyarakat luar bandar.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) mengikut laporan banci petani-petani 1990 yang diterbitkan oleh Jabatan Pertanian, hampir 70 peratus daripada petani di Semenanjung Malaysia memperoleh pendapatan dari aktiviti pertanian dan bukan pertanian di samping mengerjakan ladang sendiri. Hasil daripada kajian tersebut adalah didapati purata pendapatan petani melalui aktiviti pertanian asas, pendapatan dari sumber-sumber pertanian yang lain seperti makan gaji yang berkaitan dengan pertanian, mengambil upah yang berkaitan dengan pertanian, sewaan tanah pertanian dan aktiviti

bukan pertanian ialah RM5,890 setahun.

- (b) dan (c) Jumlah pendapatan ini didapati lebih tinggi daripada pendapatan paras garis kemiskinan iaitu RM5,040 setahun. Namun demikian, untuk memastikan pendapatan terus meningkat, Jabatan Pertanian telah melaksanakan program-program tertentu seperti projek-projek pertanian berkelompok di seluruh negara. Projek ini meliputi kawasan seluas 124,000 hektar dan melibatkan 125,000 petani. Jenis tanaman yang terlibat ialah sayur-sayuran 2,800 hektar, buah-buahan 20,000 hektar, padi 42,000 hektar, koko 32,000 hektar dan selebihnya di bawah lain-lain tanaman.

Melalui projek-projek berkelompok, Jabatan Pertanian berhasrat untuk mempertingkatkan lagi pendapatan petani melalui peningkatan pengeluaran sistem pengurusan ladang yang lebih baik dan membantu mencari ruang-ruang pasaran yang menawarkan harga yang lebih tinggi.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan Timbalan Menteri tadi, pendapatan petani-petani purata setahun RM5,800 iaitu di atas daripada garis kemiskinan RM5,040. Saya ingin bertanya, adakah pada pandangan kementerian pendapatan petani-petani menjelang tahun 2020 nanti akan dapat mengejar pendapatan per kapita penduduk Malaysia dan bagaimana keadaan pendapatan ini kerana saya melihat perbezaan di antara pendapatan peserta-peserta PPRT dengan petani-petani ini adalah amat kecil sekali. Terima kasih.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang negara-negara pertanian pendapatan pertanian tidak seimbang dengan pendapatan per kapita. Walau

bagaimanapun, sebagaimana yang kita ketahui bahawa dengan menggunakan teknologi yang lebih canggih, maka pertanian akan dapat dipertingkatkan lagi. Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya kegiatan-kegiatan yang lebih berdasarkan teknologi seperti yang saya sebutkan itu, pendapatan petani-petani kalau pun tidak sama dengan pendapatan purata negara KDNK, insya Allah, kurang sedikit akan dapat kita pastikan dengan sokongan daripada petani-petani.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada projek-projek yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tanaman tembakau adalah satu daripada sumber kewangan yang menjadi hambatan kepada petani-petani, terutama di Pantai Timur, negeri Perlis dan juga di setengah-setengah negeri yang lain. Apakah projek tanaman pokok raya salah satu daripada projek yang telah menjadi kajian pihak kementerian untuk dikomersilkan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa tanaman 'roselle' ataupun yang dikenali sebagai bunga raya telah pun diakui mempunyai nilai-nilai komersil yang amat baik. Pada masa ini Kerajaan Negeri Terengganu telah pun memulakan tanaman secara besar-besaran dan adalah diharapkan tanaman ini boleh mengatasi tanaman tembakau daripada segi pendapatannya iaitu kira-kira satu hektar akan dapat pulangan hasil lebih daripada RM10,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari.

Puan Hajah Selemiah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan 9.

EMAS PAUN—STANDARD KETULENAN

9. Puan Hajah Selemiah binti Hashim (*di bawah S.O. 23(2)*) minta

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapakah masalah emas paun menggemparkan pengguna-pengguna dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan mulai 1hb Ogos, 1995 barangan yang diperbuat daripada logam berharga hendaklah diperbuat dengan mematuhi standard ketulenan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Perihal Dagangan Artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga 1994.

Standard ketulenan emas yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) 999
- (ii) 950
- (iii) 916
- (iv) 875
- (v) 835
- (vi) 750
- (vii) 585
- (viii) 375

Ini bermakna, peniaga-peniaga tidak lagi boleh menjual emas dengan ketulenan selain daripada standard ketulenan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa emas yang biasa yang dikenali sebagai 'emas pound' atau emas-emas tradisi yang lain tidak bernilai lagi. Emas-emas ini masih mempunyai nilai mengikut ketulenan emas berkenaan.

Masalah emas pound yang menggemparkan pengguna adalah disebabkan pengguna kurang kefahaman mengenai tujuan penggubalan undang-undang berkenaan di samping mendengar berita-berita yang tidak berasas yang disebarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pihak-pihak ini sengaja hendak menimbulkan kekeliruan

di kalangan pengguna dengan tujuan untuk memaksa pengguna menjual balik emas pound mereka dengan harga yang rendah.

Untuk mengatasi masalah ini, kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mengadakan seminar-seminar untuk memberi penerangan kepada peniaga-peniaga dan pengguna-pengguna berhubung dengan pelaksanaan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan 1994 di peringkat pusat dan negeri sebelum peraturan ini dikuatkuasakan;
- (ii) menerbit dan mengedarkan buku panduan membeli emas, perak dan platinum; dan
- (iii) mengenal pasti pihak yang telah menimbulkan masalah berhubung dengan emas pound dan memberi nasihat serta amaran keras supaya tidak menimbulkan salah faham dan kegelisahan di kalangan para pengguna.

Dalam hubungan ini, kementerian akan mengambil tindakan tegas sekiranya pihak-pihak berkenaan terus membuat kenyataan yang mengelirukan para pengguna berhubung dengan emas pound.

PEGAWAI PENERANGAN DAERAH—MENAIKKAN TARAF JAWATAN

10. Tuan Haji Shuib bin Endut minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menaikkan skim perkhidmatan pegawai penerangan di daerah-daerah dari S8 kepada S5 supaya perkhidmatan penerangan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, kerajaan sedang

mengkaji cadangan untuk menaikkan taraf jawatan Pegawai Penerangan Daerah di Jabatan Perkhidmatan Penerangan.

KAPAL KARGO GREECE MV- WORLD ARETUS—TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS PEMILIK

11. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kementerian bercadang mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik kapal kargo Greece, World Aretus yang membuang sisa minyak di perairan Terengganu pada 30 Mei lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar masih mengumpul bukti-bukti untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas kapal kargo Greece MV-World Aretus.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masalah membuang sisa minyak itu telah begitu banyak didapati pada hari ini, apakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu tempat, kalau tidak ada teknologi di sini mungkin di luar negara untuk recycling sisa minyak ini supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita dapati banyak pembuangan sisa minyak di seluruh negara kita pada masa kini, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan sebuah kilang untuk recycling sisa-sisa minyak ini yang kalau teknologinya tidak ada di sini mungkin ada di luar negara seperti saya ada terbaca

dalam magazine, iaitu sisa minyak ini boleh di recycle dan boleh digunakan semula.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, itu satu pandangan yang baik tetapi kalau kita buat macam itu, kita menggalakkan mereka mencurahkan minyak-minyak kotor lagi. (*Ketawa*)

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan petikan dari akhbar *Business Times*, dengan izin. Soalan ini panjang sedikit dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh faham.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba, cuba.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Petikan dari akhbar ini menyatakan, "Sea Angel detained for desludging off Redang. Panama registered tanker, Sea Angel has been detained by the Royal Malaysian Navy for desludging off the coast of Redang island on Tuesday, making it the second incident this week of polluting activities of the East Coast". Kementerian telah mengambil tindakan begini—setelah ditahan oleh Royal Malaysian Navy, Royal Malaysian Navy telah memaklumkan kepada Maritime Enforcement Coordination Centre. Yang kemudiannya DOE. DOE pula kemudian menghubungi DOE Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua: DOE itu apa ?

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Department of Environment.

Tuan Yang di-Pertua: Teranglah sedikit.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: DOE Terengganu diarah untuk mengambil "appropriate action", dengan izin, untuk mengeluarkan "a letter requesting permission to board the vessel

to Kuantan Port Authority to expediate investigation". Jadi, saya rasa langkah-langkah tindakan terlalu banyak. Soalan saya ialah, tidakkah pihak kementerian belajar dari beberapa pengalaman yang lalu cara-cara yang ringkas dan berkesan dalam menghadapi hal ini ?

Yang kedua, saya hairan mengapakah tanker-tanker asing ini tidak takut membuat kesalahan-kesalahan ini di Malaysia? Dan yang ketiga...

Tuan Yang di-Pertua: Dua cukuplah, Puan Hajah. Banyak sangat.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:...dan berapakah jumlah denda yang kita perolehi dari tangkapan-tangkapan kapal asing yang membuat kesalahan ini, dan dalam nilai apa, Ringgit Malaysia ataupun Dollar Amerika ataupun Sterling? Kalau dengan Ringgit Malaysia, memang saya rasa salah satu mungkin sebab-sebab mereka tak takut buat kesilapan ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, tindakannya tidak boleh kita singkatkan. Ini ada kaitan dengan perhubungan international, syarikat yang datang dari luar negara. Perkara ini kita tidak mahu kerajaan kita dicabar di mahkamah. Mesti ada mempunyai evidence, keterangan-keterangan yang konkrit. Jadi, langkah-langkah ini mesti diambil. Memang kementerian sudah belajar. Kita belajar daripada kesilapan-kesilapan ini. Inilah benda-benda yang berat.

Mengenai dengan fine, bila dikenakan denda-dendanya iaitu dengan Ringgit Malaysia. Kita boleh convert, kalau hari ini berapa harga US Dollar, Yen atau apa, itu perkara biasa, currency.

Tuan Yang di-Pertua: Ini macam ada satu foreign exchange course.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN—FUNGSI MENUJU
WAWASAN 2020**

12. Puan Hajah Zaleha binti Hussin minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) apakah tugas-tugas dan fungsi kementerian ini dalam membentuk usahawan yang benar-benar berjaya dalam mengisi wawasan negara; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam menuju Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Secara umumnya Kementerian Pembangunan Usahawan bertanggungjawab dalam pembangunan usahawan dan keusahawanan di kalangan seluruh rakyat Malaysia yang menjadi teras kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020 dan di kalangan bumiputera untuk mencapai matlamat pembangunan MPPB. Cara terperinci, tugas-tugas dan fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan adalah seperti berikut:
 - (i) untuk melahirkan dan membangun lebih ramai usahawan yang berkualiti yang berdaya saing dan berdaya tahan di kalangan bumiputera yang mampu menerokai bidang baru, khususnya berteraskan sains dan teknologi;
 - (ii) mempelopori kerjasama di antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera untuk mewujudkan hubungan dalam bidang perniagaan strategik dalam dan luar negeri;

- (iii) pembentukan sikap, nilai etika dan budaya keusahawanan di kalangan usahawan supaya mereka mampu bersaing tanpa bantuan kerajaan;
 - (iv) menyediakan khidmat nasihat serta menyediakan program khusus seperti perlesenan, vendor, "franchise" dan sebagainya untuk membantu usahawan di peringkat pertengahan dan rendah; dan
 - (v) menyelaraskan dasar dan aktiviti agensi-agensi di bawah kementerian dengan memastikan pengurusan agensi yang cekap sebagai agen pembangunan MPPB menerusi kaedah-kaedah yang sesuai termasuk penswastaan.
- (b) Kementerian Pembangunan Usahawan baru sahaja ditubuhkan dan sedang menyediakan rancangan pembangunan usahawan dalam bentuk blueprint yang akan dijadikan panduan di dalam melaksanakan program pembangunan usahawan. Adalah menjadi matlamat akhir kementerian ini untuk mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera yang tulen dan berwibawa, berdaya tahan, beretika dan bertanggungjawab untuk kemajuan diri, agama, bangsa dan negara yang akan menjadi teras kepada pengwujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB). Tindakan sedang diambil untuk mengenal pasti kumpulan sasaran, strategi dan program yang sesuai dengan mengambil kira keperluan untuk mengguna pakai sumber-sumber dalaman dan luaran yang ada untuk memaksimumkan penggunaan

sumber-sumber tersebut menerusi networking yang lebih besar dan penggunaan synergy.

PROGRAM RAKAN MUDA— KEJAYAAN MENGATASI MASALAH REMAJA

13. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh mana program-program Rakan Muda telah dapat mengatasi masalah masalah sosial, remaja lepak, bohsia dan dadah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa masanya agak awal untuk menyatakan kejayaan program Rakan Muda dalam menangani masalah sosial remaja, kerana program ini adalah program jangka panjang yang bersinambungan dan menyeluruh.

Walau bagaimanapun, dari purata penyertaan dan minat yang menggalakkan oleh remaja, belia dan lain-lain pihak sama ada secara bersendirian atau melalui persatuan-persatuan ternyata sekali program Rakan Muda ini, insya Allah, akan mencapai matlamatnya di dalam pembentukan identiti generasi muda yang positif dan produktif.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Kementerian Belia dan Sukan apakah yang ada di dalam program-program Rakan Muda ini untuk menentukan bahawa semua rakyat yang dipanggil Rakan Muda ini dapat menikmatinya.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda ini seperti mana yang saya katakan tadi adalah satu program yang menyeluruh, di mana di belakangnya adalah yang

tersirat adalah untuk membina satu generasi muda yang produktif dan positif. Maka aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah menjurus kepada pencapaian matlamat tersebut.

PENUTUPAN GUDANG BERNAS DI BINTAGOR— SEBAB-SEBAB

14. Dato' Ting Chek Sii minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Lembaga Padi dan Beras Negara di Bandar Bintagor ditutup apabila ia diswastakan menjadi Syarikat Padi Beras Nasional Bhd. (BERNAS) pada 7hb Julai 1994; dan
- (b) sekarang pemborong beras di Bandar Bintagor terpaksa mendapat bekalannya dari gudang di Sibul. Ini menambahkan kosnya menjejaskan mutu perkhidmatan kepada peruncit di Bintagor. Adakah BERNAS bercadang menubuhkan gudang-gudang beras di Bintagor dan membekalkan beras terus kepada pemborong tempatan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) gudang BERNAS di Bintagor telah ditutup. Ini adalah disebabkan gudang tersebut terletak di tepi sungai yang sering menghadapi masalah kelembapan yang tinggi dan menjejaskan kualiti beras dalam simpanan. Gudang tersebut juga menjadi tidak sesuai sebagai tempat simpanan bijirin kerana beras, terutama apabila berlaku musim hujan di mana paras air meningkat di sekitar kawasannya. Bagi mengatasi masalah ini, BERNAS telah mewujudkan pusat jualan B-Mart sebagai saluran

bekalan dan pemasaran di Bintagor bagi menjual beras kempit kepada peruncit-peruncit dan juga kepada pengguna-pengguna.

- (b) adalah benar pemborong beras di Bandar Bintagor terpaksa mendapatkan bekalan berasnya dari gudang di Sibu memandangkan gudang di Bintagor telah ditutup. Ini telah menyebabkan kosnya meningkat. Walau bagaimanapun, BERNAS telah membuka pusat jualan B-Mart yang juga bertindak sebagai pemborong bagi menyalurkan bekalan dan pemasaran beras di Bintagor.

Dari segi kosnya, harga beras di Bintagor kini lebih murah dengan adanya B-Mart. Sebagai contohnya, harga beras Super-Vietnam boleh dibeli dengan harga antara RM1.00 hingga RM1.10 sekilogram berbanding RM1.20 sekilogram sebelum pembukaan B-Mart. Dan ini sekali gus menjamin harganya berpatutan dan stabil dan mutu perkhidmatan yang baik kepada peruncit di Bintagor.

Memandangkan sistem bekalan dan pengedaran beras di Bintagor sekarang didapati memenuhi keperluan, maka BERNAS tidak bercadang untuk membina gudang beras di Bintagor lagi.

INDUSTRI KELAPA SAWIT— KERJASAMA DENGAN INDONESIA

15. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa industri kelapa sawit Malaysia sedang menghadapi saingan hebat dari Indonesia. Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan

akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan supaya Malaysia tetap menjadi pengeluar utama kelapa sawit. Oleh kerana hampir 75% dari pengeluaran minyak kelapa sawit dikuasai oleh Malaysia dan Indonesia, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan kerjasama dari segi pengeluaran, penyelidikan dan pemasaran dengan Indonesia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa Indonesia yang merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia memberi persaingan kepada industri kelapa sawit Malaysia. Namun demikian, memandangkan pasaran minyak dan lemak dunia dapat menampung keluaran kelapa sawit yang dihasilkan oleh kedua-dua buah negara, persaingan tersebut boleh dianggap sebagai persaingan biasa.

Di samping itu, memandangkan penggunaan tempatan yang tinggi di Indonesia, Kerajaan Indonesia telah memberikan keutamaan kepada penggunaan dalam negeri. Oleh yang demikian, jumlah yang ada untuk dieksport adalah tidak begitu besar. Tambahan pula tumpuan pasaran minyak sawit Malaysia dan Indonesia adalah berbeza kerana Indonesia lebih menumpukan kepada eksport minyak sawit mentah sedangkan Malaysia mengeksport minyak sawit yang diproses.

Kerajaan akan terus menggalakkan pertumbuhan perusahaan minyak sawit negara ini. Dalam hal ini, beberapa strategi telah dirangka dan dilaksanakan yang merangkumi semua aspek termasuk peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran, pelbagaian penggunaan dan pemasaran. Strategi-strategi ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi tahap persaingan serta penerimaan kelapa sawit Malaysia di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, buat ketika ini, kerajaan tiada mempunyai satu ikatan secara rasmi dengan Indonesia dalam bidang industri kelapa sawit. Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang berkenaan di kedua-dua negara sentiasa berinteraksi antara satu sama lain melalui forum-forum di peringkat dua hala ataupun serantau, seperti dalam 'ASEAN Vegetable Oil Club' untuk bertukar-tukar pendapat dan maklumat mengenai industri minyak sayuran dunia. Dalam pada itu, sejak akhir-akhir ini, terdapat semakin banyak pengusaha-pengusaha perladangan Malaysia mencari peluang-peluang pelaburan dalam sektor minyak sawit di Indonesia.

KOMPLEKS SUKAN SERBAGUNA-MENAMBAHKAN

16. Puan Kian Sit Har minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tentang pembinaan kompleks-kompleks sukan serbaguna. Bagi membolehkan mudamudi menghabiskan masa lapang dengan lebih berfaedah, setakat ini sudahkah kerajaan membina cukup kompleks-kompleks sukan serbaguna bagi tujuan ini.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan Pusat telah membina 12 buah kompleks sukan di seluruh negara bagi membolehkan para belia menghabiskan masa lapang dengan lebih berfaedah terutama untuk aktiviti sukan. Kompleks-kompleks ini terdapat di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain dari itu, terdapat juga agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan dan kerajaan Negeri yang turut menyediakan kemudahan untuk aktiviti sukan para belia.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang

di-Pertua, soalan saya, memandangkan Yang Berhormat ada pihak mengatakan di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ada 12 kompleks sukan, saya rasa tidak mencukupi kerana jika dibandingkan dengan negeri China, satu negeri di tiap-tiap daerah ada kompleks sukannya sama ada untuk sukan terjun atau renang atau 'dive on land' terjun di atas darat, semuanya cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya Yang Berhormat ?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Soalnya, kompleks sukan di negara kita tidak mencukupi jika hanya sebanyak 12.

Tuan Yang di-Pertua: Habis, apa soalnya ?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Maksud saya kita mesti menambahkan lebih banyak lagi ...

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah ditambahkan lagi ?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Ya, bolehkah ditambahkan lagi memandangkan kita akan mengadakan Sukan Komanwel dan sebagainya ?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat. Dalam hubungan ini, kerajaan akan membina lebih banyak lagi kompleks sukan serbaguna serba peringkat di seluruh negara. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 11 buah pusat Rakan Muda yang mempunyai kemudahan seperti kompleks sukan yang sedia ada akan dibina di seluruh negara. Kos setiap kompleks tersebut, untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, dianggarkan bernilai RM5.5 juta setiap satu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 61 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:-

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan”.
(5hb Julai, 1995)

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyambung jawapan.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin mencadangkan supaya kementerian merangka program untuk melatih pembantu-pembantu rumah yang menjaga anak-anak yang mana ibunya bekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 memperuntukkan iaitu pusat asuhan boleh dijalankan di institusi dan di rumah. Untuk memastikan agar kanak-kanak yang diasuh di rumah mendapat jagaan serta bimbingan yang sempurna, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menganjurkan kursus-kursus asas asuhan kanak-kanak bagi pengasuh-pengasuh yang tersebut. Mulai tahun 1994 sebanyak 75 orang pengasuh telah mendapat manfaat dari kursus tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Johan B.O.T. Ghani mencadangkan supaya jabatan dan pelbagai agensi perlu mempertingkatkan program-program yang dapat menyatu-padu rakyat yang berbilang kaum terutama kepada golongan-golongan muda. Dengan itu, integrasi nasional perlu diperkukuhkan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dalam mewujudkan masyarakat yang tenteram, harmonis, penyayang dan bersatu-padu. Langkah-langkah yang dinamik perlu dilaksanakan untuk mengeratkan rakyat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Kementerian memang menyedari akan betapa pentingnya perpaduan dan integrasi nasional. Integrasi nasional adalah merupakan satu proses yang dinamik dalam usaha kerajaan untuk merapatkan hubungan masyarakat di semua negeri dalam negara ini khususnya bagi masyarakat di negeri Sabah dan Sarawak dengan masyarakat di negeri-negeri lain.

Sehubungan dengan itu, kementerian ini melalui Jabatan Perpaduan Negara mengadakan berbagai-bagai program, aktiviti dari masa ke semasa dalam usaha untuk memantapkan perpaduan dan integrasi nasional. Di antara program aktiviti tersebut ialah lawatan integrasi sempena hari kebesaran, perayaan, program orientasi bagi pegawai-pegawai dari negeri-negeri lain bertugas, bertukar ke Sabah dan Sarawak, program anak angkat iaitu 'Titian Mas' dan aktiviti sedar padu.

Tuan Yang di-Pertua, golongan muda, remaja pada hari ini adalah merupakan aset negara pada masa hadapan kerana sumbangan mereka dari segi tenaga kerja, ilmu pengetahuan dan kepimpinan khususnya dalam konteks pencapaian Wawasan 2020. Menyedari hakikat ini dan lebih-lebih lagi masyarakat kita terdiri daripada berbagai kaum, maka sewajarnya golongan remaja diterapkan dengan nilai-nilai murni yang merupakan nilai-nilai yang dapat dikongsi bersama supaya nilai-nilai ini dapat dihayati dan diamalkan oleh mereka di dalam kehidupan seharian sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai semangat kewarganegaraan dan persaudaraan yang tinggi.

Antara nilai-nilai berkaitan ialah berakhlak mulia, ikhlas dan amanah, kesederhanaan, bertolak ansur, bekerjasama, saling menghormati, belas kasihan dan berhemah dalam pergaulan. Sehubungan dengan itu, kementerian ini melaksanakan beberapa aktiviti untuk menerapkan nilai-nilai tersebut. Antaranya ialah aktiviti Khemah Kerja Kejiranan, Penal Perpaduan Jiran Muda, Sedar-Padu dan Program Anak Angkat Titian Emas. Kumpulan sasar aktiviti-aktiviti tersebut ialah ahli-ahli Jiran Muda di dalam kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara. Nilai-nilai berkenaan juga turut diterapkan kepada kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun yang menyertai Tabika Perpaduan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Mana-mana cadangan dan ulasan Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, pihak kementerian akan mengkaji dan meneliti cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan.

3.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan semasa berucap membahaskan Titah Diraja di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen di atas cadangan beliau supaya Kementerian Kesihatan menjalankan kerjasama di antara hospital kerajaan dengan hospital swasta supaya dapat saling bantu-membantu dari segi teknologi dan teknik perubatan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, hospital kerajaan telah pun mengadakan kerjasama dengan hospital swasta dalam usaha mendapatkan rawatan dan teknologi baru. Sebagai contoh hospital kerajaan menggunakan perkhidmatan CT-Scan, lipo-tripper dan rawatan radioterapi dari hospital swasta. Selain dari itu, pakar dari hospital dan klinik swasta juga digalakkan menggunakan kemudahan di hospital kerajaan. Kerajaan juga telah mewujudkan jawatankuasa penal swasta pada tahun

1984 yang mempunyai tugas tertentu dan mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali setahun. Selain dari itu, hospital kerajaan juga turut menghadiri dan mengambil bahagian dalam seminar, kursus dan persidangan yang dianjurkan oleh hospital swasta yang berkaitan dengan teknologi dan teknik baru dalam bidang perubatan.

Kementerian Kesihatan memang prihatin dalam memberi latihan kepada kakitangan termasuklah latihan kepada paramedik seperti fisioterapi, radioterapi dan lain-lain. Latihan sentiasa diberikan, misalnya bentuk latihan dalam perkhidmatan sama ada di dalam dan di luar negara. Selain daripada itu, latihan kepada kakitangan juga diberikan apabila alat atau teknologi baru dibeli oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan meningkatkan latihan kepada paramedik seperti fisioterapi, radioterapi dan bidang lain oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meningkatkan pengambilan pelatih jurupulih perubatan bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga manusia dalam kategori ini sama ada akibat daripada peningkatan pengembangan perkhidmatan, mahupun projek-projek pembangunan baru dan tidak ketinggalan juga mengisi kekosongan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kapasiti sekolah latihan di Hospital Kuala Lumpur adalah terhad, iaitu 50 orang setahun untuk jurupulih anggota dan 30 orang setahun untuk jurupulih "cara-kerja".

Kementerian sedang merancang untuk meningkatkan pengambilan pelatih jurupulih.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Jurupulih apa tadi? Saya kurang jelas, tadi.

Dato' M. Mahalingam: C-A-R-A-K-E-R-J-A. Itu adalah technical works.

Kementerian sedang merancang untuk meningkatkan pengambilan pelatih jurupulih perubatan, masing-masing kepada 80 orang setahun dan 60 orang setahun melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam negeri. Untuk dua lagi bidang yang disebutkan, iaitu ultra sound graphic dan bio-medical, kedua-duanya merupakan kursus dalam perkhidmatan untuk anggota paramedik. Kementerian Kesihatan sememangnya ada menghantar juru X-ray diagnosis untuk mengikuti kursus ultra-sound graphic di luar negara tetapi bilangannya adalah kecil kerana kos yang terlibat adalah tinggi. Manakala bagi bidang biomedical pula, Universiti di Malaysia ada menawarkan kursus Ijazah Sains Bio-Medical dan Juruteknikal Makmal Perubatan. Kementerian Kesihatan turut digalakkan untuk mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kos perbelanjaan perubatan untuk mengubat pekerja asing yang mengidap penyakit batuk kering, kusta dan lain-lain penyakit berjangkit seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen, juga ingin saya maklumkan bahawa dalam tahun 1994, Kementerian Kesihatan membelanjakan sejumlah RM56,000 untuk penyakit kusta, RM305,000 untuk penyakit batuk kering dan RM1.9 juta untuk malaria.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor pakar di hospital-hospital kerajaan termasuk di Sarawak dan cadangan supaya dikaji semula ganjaran untuk doktor-doktor pakar yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan supaya mereka tidak meninggalkan perkhidmatan kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ting Check Sii, suka saya maklumkan bahawa setakat 1hb Julai, tahun ini sebanyak 284 jawatan masih kosong daripada sejumlah 680 jawatan pakar pelbagai gred di Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah itu, 30 jawatan terdapat di Sarawak, di mana 10 jawatan telah diisi.

Bagi mendorongkan doktor-doktor daripada meninggalkan perkhidmatan kerajaan, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan seperti berikut:

- (i) membayar elaun kerja di luar waktu bekerja biasa bagi pegawai-pegawai perubatan yang berkhidmat di wad hospital berkuatkuasa mulai dari 1hb Oktober, 1994;
- (ii) menyediakan tambahan biasiswa untuk membiayai pegawai-pegawai perubatan mengikut kursus kepakaran mengikut keperluan perkhidmatan.
- (iii) mewujudkan tambahan jawatan kenaikan pangkat kepada semua peringkat, terutamanya untuk peringkat dari gred U-3 ke gred U-2.

Untuk makluman bagi urusan pada tahun 1995, terdapat lebih kurang 100 pegawai perubatan gred U-3 yang mempunyai kelayakan kepakaran akan layak untuk dipertimbangkan. Sebagai langkah jangka pendek, Kementerian Kesihatan mengambil pegawai perubatan secara kontrak dari dalam dan luar negara untuk mengisi kekosongan. Dari aspek meninggikan gaji perkhidmatan pegawai perubatan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Low Kai Meng, suka saya maklumkan bahawa pelaksanaan SSB yang berkuatkuasa dari 1hb Januari, 1992 adalah meliputi keseluruhan perkhidmatan sektor awam. Bagi pegawai perubatan mereka mendapat imbuhan melalui elaun kritikal sebanyak 5% dari lain-lain elaun yang baru diluluskan seperti elaun bekerja di luar waktu bekerja biasa dan elaun kepakaran bagi mereka yang mempunyai kelulusan ijazah lanjutan dalam bidang-bidang yang diiktiraf.

Mengenai anggapan bahawa hanya orang miskin sahaja yang mendapat rawatan daripada hospital kerajaan, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, suka saya maklumkan

bahawa ianya tidak berapa benar, kerana hospital kerajaan digunakan oleh semua, terutamanya anggota kerajaan, pekerja syarikat, pekerja estet termasuk orang awam yang berada.

Mengenai cadangan mengecualikan bayaran untuk pesakit di wad kelas 3, ingin saya maklumkan bahawa cadangan tersebut adalah tidak praktikal kerana golongan pesakit yang menggunakan kemudahan wad kelas 3 ada yang terdiri dari yang mampu membayar seperti pekerja syarikat swasta dan pekerja estet di mana bil-bil hospital mereka dibayar oleh majikan mereka. Lagi pun, pesakit wad kelas 3 tertakluk kepada caj maksima tidak lebih RM500 bagi setiap kali kemasukan ke hospital. Bagi yang tidak mampu untuk membayar, mereka boleh memohon pengecualian dengan mengisi borang tertentu yang boleh didapati daripada hospital untuk dipertimbangkan

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberi pandangan dan teguran kepada isu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan menjawab.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-

ahli Dewan yang mulia ini yang banyak memberi sanjungan dan cadangan-cadangan dalam perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pembangunan Usahawan yang baru berusia satu bulan dua puluh lapan hari pada hari ini.

Saya sedar bahawa betapa tingginya harapan masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat bumiputera khususnya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memainkan peranan dan tanggungjawab dalam membangunkan usahawan-usahawan yang menjadi tonggak kepada hasrat dan cita-cita negara mencapai matlamat menjadi sebuah negara yang lebih maju sejajar dengan Wawasan 2020, insya Allah.

Kementerian Pembangunan Usahawan akan berusaha sedaya-upaya yang mampu untuk memenuhi harapan dan cita-cita seluruh rakyat Malaysia tersebut. Sebagaimana yang Tuan di-Pertua juga maklum bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan adalah kesinambungan daripada Kementerian Perusahaan Awam. Bezanya adalah dari segi pendekatan yang akan digunakan dan fokusnya. Program-program yang ada sekarang ini yang dirancang oleh Kementerian Perusahaan Awam akan dikaji semula dan di mana perlu diperkukuhkan untuk menghasilkan impak yang lebih jelas menerusi penggunaan lebih banyak synergy dalam perancangan dan pelaksanaan program-program oleh agensi-agensi di bawah kementerian.

Dalam mencapai matlamat pembangunan usahawan, kewujudan sumber manusia yang mempunyai ilmu pengetahuan, kepakaran dan semangat yang tinggi merupakan asas penting yang perlu ditekan. Dalam hubungan ini, program-program pembangunan sumber manusia untuk melahirkan tenaga-tenaga mahir akan dipergiatkan melalui pusat-pusat giat, Institusi Kemahiran MARA (IKM) dan Institusi Kemahiran Tinggi MARA (IKTM). Institusi-institusi

kemahiran ini bukan sahaja melatih belia-belia dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri tetapi juga mengerientasikan mereka dengan ciri-ciri keusahawanan untuk menyediakan mereka menggunakan kemahiran yang ada sebagai asas menjadi usahawan.

Untuk memberi peluang graduan-graduan institusi-institusi kemahiran MARA memperolehi pengetahuan bidang teknologi tinggi, kementerian telah menubuhkan German-Malaysia Institute dan Tuas Politeknik iaitu lanjutan kepada pendidikan kemahiran MARA.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 6 Institusi Kemahiran Tinggi MARA (ITKM) akan ditubuhkan iaitu French DCN Malaysia Institute dalam bidang perkapalan, American McDonald Douglas Malaysian Institute dalam bidang penyelenggaraan dan pembuatan komponen pesawat kapal terbang, British Malaysia Institute dalam bidang product design, product proto-typing dan telecommunication engineering, automation technology dan design, Japan Nippon Malaysian Institute dalam bidang software engineering, computer engineering, tool-and-die, computer intergrated manufacturing, water production and design, Canadian ACC Malaysian Institute dalam bidang gas dan petroleum engineering, cool generation technology, environmental engineering dan gas distribution technology dan Denish Skive Malaysian Institute dalam bidang teknologi perabot. Rancangan juga sedang dibuat untuk menubuhkan lebih banyak pusat giat MARA serta IKM.

Berhubung dengan masalah kekurangan kredit yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha India seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan, sukalah saya menjelaskan bahawa perbadanan Jaminan Kredit Malaysia ataupun CGC ada menyediakan skim-skim jaminan kredit

untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana. Kemudahan CGC ini tidak terhad kepada sesuatu kaum sahaja. Jaminan kredit diberikan kepada projek-projek yang berdaya maju sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan berhubung dengan pandangan jauh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membawa kepada pengwujudan Kementerian Pembangunan Usahawan. Penubuhan kementerian ini merupakan satu lembaran baru dalam sejarah pembangunan negara yang memperlihatkan perubahan dari segi dasar, strategi dan keutamaan kerajaan dalam usaha mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Ia juga memperlihatkan pengiktirafan kerajaan kepada pengusahawan oleh seluruh rakyat Malaysia dari semua peringkat dan lapisan sebagai kunci kepada kemajuan diri, masyarakat, agama dan negara dan seterusnya mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kementerian sedang menyediakan blueprint untuk memperjelaskan wawasan dan tunjuk arah Kementerian Pembangunan Usahawan yang akan menjadi panduan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab membangunkan usahawan yang sangat mencabar. Blueprint ini merangkumi di dalamnya wawasan, misi, objektif, peranan dan tanggungjawab, strategi, program, mekanisme pelaksanaan atau penyelarasan dan kaedah-kaedah penilaian yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk meminta kerjasama semua pihak termasuk Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara untuk bersama-sama membantu melicinkan tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mencapai

matlamat bersama matlamat bersama menuju Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

3.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan Usul Titah DiRaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man ada mengatakan bahawa dengan usaha dan langkah-langkah yang bersungguh-sungguh yang diambil oleh kementerian dan pihak swasta di dalam menyediakan infrastruktur pelancongan termasuk memajukan tempat-tempat berpotensi serta usaha-usaha promosi di luar negara yang dijalankan, maka Malaysia kini telah menjadi destinasi pelancongan yang menarik kepada pelawat-pelawat daripada luar negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan inilah yang dipakai oleh kerajaan sekarang dalam mana pembangunan kemudahan pelancongan adalah dilakukan oleh kerajaan dan swasta. Malah inilah juga pendekatan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh ada mencadangkan supaya kementerian terus mempromosikan Malaysia yang mempunyai banyak tempat-tempat menarik dan memastikan agar pelancong-pelancong yang melawat ke Malaysia

mestilah yang berkualiti dan bukan yang datang ke negara ini dan menetap di sini untuk bekerja selepas Visa Melawat mereka tamat.

Kementerian di dalam usahanya untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik di kalangan pelancong-pelancong antarabangsa sentiasa memberi perhatian terhadap pasaran pelancongannya. Dalam hal ini, sasaran pasaran yang ditumpukan adalah pada negara-negara yang mampu untuk rakyat mereka melancong ke luar negeri seperti negara Jepun, Korea, Eropah, Amerika Syarikat dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sebentar. Untuk makluman bersama, Perdana Menteri Pakistan iaitu Puan Benazir Buttho akan tiba di parade ground sana tidak berapa lama lagi—untuk makluman. Jadi, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Hanipah bin Ahmad mempengerusikan Majlis ini.

(Tuan Hanipah bin Ahmad
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli Yang Berhormat, minta teruskan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar untuk kementerian menentukan kualiti pelancong yang berkunjung ke negara ini semata-mata untuk melancong dan bukan bertujuan untuk mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui pihak imigresen mempunyai peraturan dan langkah-langkah tertentu bagi menjamin seseorang pelawat datang untuk melancong dan bukannya untuk tujuan yang lain.

Beliau juga ada memperkatakan bahawa bidang pelancongan telah menyumbang pendapatan yang membanggakan dan berpendapat, negeri

Terengganu dan negeri-negeri lain di pantai timur yang mempunyai banyak tempat menarik dapat sama-sama menyumbang pendapatan pelancongan bersama-sama negeri-negeri lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedar bahawa negeri Terengganu dan pantai timur keseluruhannya mempunyai banyak tarikan-tarikan pelancong yang menarik. Dalam hal ini, tarikan-tarikan seperti Tasik Kenyir, Pulau Kapas, Pulau Perhentian dan Pulau Redang telah ditonjolkan sebagai destinasi eco-tourism yang menarik kepada pelancong antarabangsa. Dengan perkembangan infrastruktur yang pesat seperti pembinaan lebuh raya di pantai timur, pembangunan produk pelancongan serta pembinaan tempat-tempat penginapan bertaraf antarabangsa, akan dapat mempromosikan destinasi tersebut dengan lebih berkesan lagi dalam jangka masa dua tiga tahun yang akan datang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada kementerian, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kesemua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini. Sekain.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Sekarang saya jemput Jabatan Perdana Menteri.

4.03 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul Menjunjung

Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan yang lalu.

Beberapa perkara berkaitan Jabatan Perdana Menteri turut disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man mengingatkan kerajaan supaya mempertingkatkan arahan dan garis panduan bagi mencegah maklumat-maklumat kerajaan yang tersimpan melalui saluran komputer terbuka yang digunakan oleh orang ramai dari jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab.

Sukalah dijelaskan bahawa kerajaan sememangnya prihatin ke atas isu keselamatan maklumat kerajaan yang disimpan di dalam komputer, khususnya yang boleh dicapai oleh orang ramai. Di antara maklumat-maklumat yang boleh dicapai oleh orang ramai adalah seperti di dalam Civil Service Link di MAMPU, SIRIM Link di Institut Standard dan Penyelidikan Industri Malaysia dan PALMOLIS di Institut Penyelidikan Kelapa Sawit.

Dalam hal ini, langkah-langkah telah diambil terlebih dahulu supaya hanya maklumat yang boleh dilihat oleh orang ramai sahaja atau "public domain" information sahaja, dengan izin, yang akan disimpan di dalam pengkalan-pengkalan data tersebut. Untuk maksud yang demikian, tapisan dijalankan ke atas mana-mana maklumat yang difikirkan perlu untuk disimpan di dalam pengkalan-pengkalan data public access tersebut. Selepas peringkat tapisan, barulah maklumat tersebut disusun dan disimpan di dalam pengkalan data untuk memudahkan capaian orang ramai. Tambahan pula, kebenaran untuk mendapatkan access maklumat dari pengkalan-pengkalan data capaian umum kerajaan hanya diberikan kepada orang ramai yang telah mendaftar sebagai pengguna.

Seseorang pengguna berdaftar misalnya, akan diberikan kemudahan untuk mendapatkan maklumat dari pengkalan data tersebut dengan menggunakan nombor pengenalan atau identification number, dengan izin, dan juga kata laluan atau password. Namun begitu, kerajaan sentiasa meneliti kedudukan keselamatan dalam keselamatan dalam penggunaan teknologi komputer termasuk rangkaianannya sekali. Dalam usaha ini, garis panduan dan arahan akan dikeluarkan dari masa ke semasa kepada agensi-agensi tertentu apabila diperlukan.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen telah mencadangkan supaya Bahagian Undang-undang di Jabatan Menteri mengkaji semula undang-undang yang sedia ada untuk dipinda selaras dengan keadaan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu undang-undang atau akta akan dipinda apabila ada keperluan untuk memindanya. Di antara sebab-sebab pindaan dibuat adalah bagi melicinkan lagi pentadbiran, penguatkuasaannya dan penyelesaian akta-akta tersebut dengan keadaan semasa dan keadaan akan datang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan untuk meminda sesuatu undang-undang atau akta datangnya daripada Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkaitan dengan undang-undang tersebut. Jabatan Perdana Menteri melalui Peguam Negara akan hanya menyemak cadangan kepada pindaan-pindaan tersebut dari segi gubalan dan perundangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kelsom telah menyarankan supaya kerajaan hendaklah menyusun semula rancangan untuk memberi penerangan kepada seluruh rakyat melalui Islam sahajalah, Malaysia dapat mencapai kesejahteraan. Sukalah dijelaskan bahawa kerajaan yakin yang Islam adalah agama sejagat, mempunyai prinsip-prinsip yang universal, sesuai dengan semua bangsa

dan segala keadaan dan tidak terikat oleh ruang dan waktu, malah semuanya berimbang dengan kepentingan umat manusia dan menjamin kesejahteraan di dunia dan akhirat. Firman Allah dalam Surah Al-Anbia ayat 107, maksudnya:

“Dan tidak kami mengutuskan Engkau wahai Muhammad, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Ini menunjukkan Islam itu diturunkan, boleh menjadi panduan kepada semua manusia di dunia.

Malaysia adalah sebuah negara yang terkenal dengan usaha meninggikan syiar Islam dari masa ke semasa serta mengambil berat tentang kebajikan umat Islam dengan tidak memilih bangsa, keturunan serta adat resam, bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan yang ada dalam perlembagaan tanpa mengenyahkan hak agama lain yang ada di negara ini. Bersesuaian dengan prinsip di atas, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri menyusun aktiviti-aktivitinya untuk memberi kefahaman kepada rakyat tentang ajaran Islam yang sebenarnya. Majlis-majlis penerangan, ceramah, kursus, forum dan seminar yang diadakan dari semasa ke semasa adalah dijuruskan untuk membuka minda umat Islam supaya berfahaman lebih terbuka.

Penekanan diberikan kepada pengertian bahawa Islam bukanlah satu agama yang hanya mementingkan akhirat semata-mata, tetapi sebaliknya, memberi tumpuan kepada kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Di samping itu, aktiviti agensi-agensi ini ditumpukan kepada usaha-usaha untuk mengelakkan berlakunya interpretasi yang sempit terhadap sesuatu isu yang menyentuh hukum-hukum dalam kehidupan seharian serta unsur-unsur membanteraskan fahaman “extremism” di kalangan umat Islam.

Melalui badan-badan seperti IKIM pula, usaha-usaha di atur untuk memberi kefahaman kepada umum, khasnya kepada rakyat bukan Islam bahawa Islam adalah satu agama yang sejagat dan amalan-amalannya mempunyai nilai-nilai murni yang boleh dicontohi bukan sahaja oleh orang-orang Islam, tetapi juga penganut-penganut agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee meminta Kerajaan Persekutuan terus memberi peruntukan kepada negeri Sabah bagi pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, klinik dan lain-lain.

Sukalah saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan persekutuan telah memperuntukkan RM500 juta sebagai peruntukan khas bagi mempercepatkan pembangunan negeri Sabah. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk program penyelenggaraan jalan persekutuan dan bangunan gunasama persekutuan. Sebanyak RM300 juta pula diperuntukkan untuk meningkatkan infrastruktur luar bandar seperti program bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, program jalan kampung dan program jalan luar bandar. Projek-projek ini akan dapat disiapkan kesemuanya pada akhir tahun 1995.

Di samping itu juga, projek-projek pembangunan bernilai RM1.52 bilion telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan di negeri Sabah di sepanjang Rancangan Malaysia Keenam. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan yang besar bagi bekalan air dan elektirk untuk dilaksanakan di Sabah. Sebanyak RM181.935 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja segera berkaitan dengan bekalan air. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM681.3 juta telah diluluskan bagi mengatasi dengan segera masalah bekalan elektrik di Sabah. Bagi projek-projek jalan raya yang besar, sebanyak 16 buah jalan raya sedang dalam penyelenggaraan, pembaikan dan pembinaan yang bernilai RM987.682 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam sebenarnya telah melaksanakan program-program pertukaran pegawai-pegawai dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dengan harapan ianya dapat meningkat dan mengukuhkan lagi integrasi nasional sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Johan B.O.T. Ghani dalam perbahasannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi pertukaran pegawai di antara Semenanjung dan Sabah, ia telah dilaksanakan 23 September 1994 dan program ini sedang berjalan untuk tempoh selama 2 tahun. Seramai 7 orang pegawai perkhidmatan negeri menyertai program ini dan mereka ditempatkan di pelbagai jabatan di peringkat persatuan dan negeri.

Manakala bagi pertukaran pegawai di antara Semenanjung dengan negeri Sarawak, sebanyak 2 program telah dilaksanakan. Program pertama telah dilaksanakan pada tahun 1988 dan program kedua dilaksanakan pada tahun 1992. Setiap program melibatkan seramai 5 orang pegawai dari persatuan dan 5 orang dari Sarawak. Mereka ditempatkan di pejabat-pejabat daerah dan residen di Sarawak, serta di pejabat-pejabat daerah dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Semenanjung. Program ketiga sedang dirancang dan akan dilaksanakan pada akhir tahun 1995. Dari maklum balas yang diterima, didapati program ini berjaya mencapai matlamat untuk mengukuhkan lagi integrasi nasional. Jabatan Perkhidmatan Awam berhasrat untuk meneruskan lagi program ini dengan penglibatan pegawai yang lebih ramai di kedua pihak pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen telah menyarankan kepada kerajaan memberi hak yang sama kepada kaum wanita terutama sekali di dalam hal-hal mengenai karier termasuk kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan tinggi dalam sektor kerajaan. Sukalah dijelaskan bahawa dari segi amalan dalam Perkhidmatan Awam,

pihak Lembaga Kenaikan Pangkat tidak membezakan peluang kenaikan pangkat mengikut jantina. Peluang yang sama rata adalah terbuka kepada semua anggota-anggota awam dengan mengambil kira kepada faktor merit, prestasi dan kekosongan jawatan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng pula telah meminta supaya kerajaan mengkaji skim gaji kakitangan profesional supaya selaras dengan kepakaran mereka. Sukalah dimaklumkan bahawa semasa menggubal Sistem Saraan Baru pada tahun 1992, kerajaan telah memberi perhatian dan pengiktirafan terhadap kepakaran mereka semasa menggubal jadual gaji metrik dan klasifikasi perkhidmatan.

Sebagai contoh, pegawai perubatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan dan kesihatan diberi bayaran insentif pakar dengan kadar sebulan di antara RM250 hingga RM2,400. Selain daripada itu, pegawai di 22 perkhidmatan yang kritikal kepada pembangunan negara, juga bayaran insentif perkhidmatan kritikal. Kadar bayaran insentif perkhidmatan kritikal adalah sebanyak 5% dari gaji pokok bagi kumpulan pengurusan dan profesional dan 10% dari gaji pokok bagi kumpulan sokongan.

Mengenai pindaan Akta Pencen yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Selemiah Hashim supaya saraannya meliputi juga isteri kedua yang dikahwini oleh seseorang pegawai semasa dia sudah bersara. Sukalah dijelaskan bahawa menurut Akta Pencen 1990 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 (Akta 239), saraan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang wujud dan tempohnya dihadkan kepada 12 1/2 tahun sahaja daripada tarikh persaraan. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan masih belum bercadang untuk mengkaji semula bagi menambah tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri. Bagi perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang tidak sempat dijawab pada hari ini, ianya akan diambil perhatian dan pertimbangan sewajarnya oleh jabatan ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah, usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku Parlimen Yang Kesembilan”,

hendaklah disetujui.

Usul bagi diputuskan, dan disetujui.
Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994 DAN 1995) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM15,951,358,496 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual I dan Jadual II kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1994 adalah berjumlah RM15,754,399,613. Dari jumlah ini, sebanyak RM14,807,476,746 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, manalah bakinya sebanyak RM966,922,867 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Sebanyak RM14 bilion di bawah Maksud B. 30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun adalah untuk

dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Sebanyak RM163.4 juta di bawah Maksud B. 25, Kementerian Pertahanan adalah untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM108.4 juta untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan awam dan tentera tahun 1994; dan
- (ii) sebanyak RM55 juta untuk membiayai perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia yang berhidmat di bawah Pasukan Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina dan Somalia.

Sebanyak RM150 juta bawah Maksud B. 52, Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah bangunan-bangunan hospital dan klinik, bangunan-bangunan Polis Diraja Malaysia termasuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi negeri Sabah dan Sarawak yang diperuntukkan di bawah projek khas penyelenggaraan.

Sebanyak RM43.4 juta di bawah Maksud B. 36, Polis Diraja Malaysia untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM59.4 juta untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pasukan polis; dan
- (ii) sebanyak RM84 juta untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan awam dan polis tahun 1994.

Sebanyak RM118.4 juta di bawah Maksud B. 34, Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM31.6 juta untuk menampung pemberian subsidi rawatan perubatan kakitangan kerajaan dan golongan pesakit miskin di Institut Jantung Negara Berhad, kos penubuhan unit

kardiologi dan kardiotorasik di Hospital Pulau Pinang dan pembelian peralatan tambahan bagi hospital-hospital di Sabah; dan

- (ii) sebanyak RM86.8 juta untuk bayaran imbuhan kakitangan awam tahun 1994.

Sebanyak RM111.9 juta di bawah Maksud B. 26, Kementerian Pendidikan untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam tahun 1994.

Sebanyak RM35.7 juta di bawah Maksud B. 7, Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM20 juta untuk membiayai pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di seluruh negara;
- (ii) sebanyak RM5 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur kemudahan-kemudahan awam dan sosial;
- (iii) sebanyak RM7 juta untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit dan longkang di sekitar bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (iv) sebanyak RM3.7 juta untuk menampung kos pembayaran ganti rugi kerana penamatan kontrak pelaksanaan projek Restoran Melayu.

Sebanyak RM22 juta di bawah Maksud B. 47, Kementerian Pengangkutan untuk bayaran gantian ke atas kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad akibat daripada perkhidmatan tren penumpang yang tidak ekonomi bagi tempoh 1992, 1993 dan 1994.

Sebanyak RM12.9 juta di bawah Maksud B. 43, Kementerian Undang-undang adalah untuk menampung bayaran emolumen bagi jawatan-jawatan baru, kenaikan kadar ruang pejabat, penyewaan

ruang pejabat baru, kos perpindahan pejabat, ubah suai ruang serta pembelian perabot dan peralatan pejabat.

Sebanyak RM10.6 juta di bawah Maksud B. 31, Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM5.3 juta untuk menampung perbelanjaan utiliti, bil elektrik dan air di bangunan-bangunan baru pejabat kastam seperti Kompleks Kastam Johor Bahru, Pejabat Kastam Selangor dan Pahang, kenaikan sewa ruang pejabat bagi Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan penyelenggaraan Pejabat dan Rumah Khas Kastam; dan
- (ii) sebanyak RM5.3 juta untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan awam bagi tahun 1994.

Sebanyak RM7.6 juta di bawah Maksud B. 28, Perbendaharaan untuk menampung bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman PERWAJA Terengganu Sendirian Berhad.

Sebanyak RM6.5 juta di bawah Maksud B. 22, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM3.5 juta untuk membiayai kerja-kerja menyelamatkan dan mendapatkan barang-barang lama daripada kapal Caroline yang telah karam pada tahun 1816 di kawasan luar pantai Port Dickson, Negeri Sembilan; dan
- (ii) sebanyak RM3 juta untuk menampung pemberian kepada Lembaga Muzium Negeri Kelantan dan Sabah bagi tahun 1992 dan 1993.

Sebanyak RM6.2 juta di bawah Maksud B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung perbelanjaan pilihanraya

Dewan Undangan Negeri Sabah tahun 1994 dan persiapan bagi menghadapi pilihanraya umum 1995.

Sebanyak RM5.3 juta di bawah Maksud B. 37, Jabatan Imigresen untuk membiayai bayaran emolumen berikutan pengisian jawatan-jawatan kosong, kenaikan pangkat dan pemberian taraf diplomatik kepada Penolong-penolong Attache di London, Madras, Hong Kong, Beijing, Guanzhoou, Singapura dan Mauritius. Kerja-kerja penyelenggaraan dan ubah suai ruang orang ramai di Jabatan Imigresen Johor Bahru serta kerja-kerja baik pulih pejabat-pejabat Imigresen di Kudat, Sipitang dan Semporna, Sabah.

Peruntukan tambahan yang lain sebanyak RM13,467,232 adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B. 1-Parlimen; B. 14-Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; B. 15-Jabatan Perancang Bandar dan Desa; B. 16-Jabatan Perkhidmatan Bomba; B. 19-Kementerian Pertanian; B.32-Jabatan Hasil Dalam Negeri; B. 33-Jabatan dan Perkhidmatan Harta; B. 40-Jabatan Penjara; dan B. 42-Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1994 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1995 adalah berjumlah RM1,143,881,750. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 3, Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Sebanyak RM600 juta di bawah Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya dan bangunan-bangunan kerajaan di bawah projek khas penyelenggaraan.

Sebanyak RM147.6 juta di bawah Maksud B.25, Kementerian Pertahanan untuk membiayai perbelanjaan Akademi Tentera Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sebanyak RM140 juta di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastuktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial dan untuk elaun Ahli Parlimen bagi kawasan Parlimen yang baru.

Sebanyak RM64 juta di bawah Maksud B.34, Kementerian Kesihatan untuk membiayai bekalan ubat-ubatan, pembelian peralatan Unit Kardiologi Hospital Pulau Pinang, bayaran elaun kerja di luar waktu kerja biasa kepada pegawai perubatan, bayaran gaji pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan dan jururawat kontrak.

Sebanyak RM36.5 juta di bawah Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung perbelanjaan pilihanraya umum kesembilan yang lalu.

Sebanyak RM35 juta di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan untuk membiayai kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan dan penggantian peralatan Universiti Malaya.

Sebanyak RM31.8 juta di bawah Maksud B.36, Polis Di-Raja Malaysia untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan oleh Pasukan Polis menjelang pilihanraya umum kesembilan yang lalu.

Sebanyak RM29.9 juta di bawah Maksud B.17, Kementerian Belia dan

Sukan untuk membiayai program Rakan Muda.

Sebanyak RM27.4 juta di bawah Maksud B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai bayaran balik caruman pencen yang telah dibuat oleh badan-badan berkanun dan yang telah diasingkan kepada sistem saraan sektor awam bagi membolehkan agensi-agensi berkenaan membuat caruman kebelakangan kepada KWSP.

Sebanyak RM16.7 juta di bawah Maksud B.44, Kementerian Penerangan untuk mempertingkatkan aktiviti penerangan dan penyiaran dan sebanyak RM15 juta di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai sistem penstabilan harga minyak masak di pasaran tempatan. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1995 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas perintah 2 Tahun 1995 dan dalam Memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan sekarang. Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

4.35 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya mengambil bahagian untuk membahaskan suatu Rang Undang-Undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan yang ringkas di Dewan yang mulia ini saya ingin mengambil beberapa perkara mengenai kementerian-kementerian tertentu iaitu pertama, mengenai Maksud B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun, memberi peruntukan sebanyak RM6.2 juta untuk perbelanjaan sebagai membuat persediaan dan mengurus pilihanraya 1995 kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya ini yang telah berjaya mengurus pilihanraya dengan teratur dan sempurna. Cuma saya ingin mendapat penjelasan mengenai perkara yang sering berlaku kepada calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya, iaitu mengenai borang-borang percalonan yang diisi oleh calon-calon. Biasanya apabila berlaku sesuatu masalah sekiranya mendapat bantahan atau sebagainya, pentafsiran Pegawai-pegawai Pengurus Pilihanraya biasanya tidak selaras, bahkan apa yang berlaku dalam pilihanraya, saya dapati perkara-perkara, masalah teknikal yang kecil yang telah dipertikaikan dalam masa mengisi borang-borang pencalonan, didapati jawapan dan penerangan daripada pengurus-pengurus pilihanraya adalah tidak selaras. Seperti apa yang berlaku di Gua Musang dan sebagainya, dan ini berlaku setiap kali penamaan calon dijalankan. Walaupun

masalah ini terlalu kecil, tetapi Pegawai Pengurus Pilihanraya kadang-kadang menjadi dilema.

Saya ingin bertanya apakah pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada kursus khas yang mendetailkan perkara yang seperti ini untuk memberi kemudahan kepada calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah undi-undi pos yang saya kira masih ada kelemahan-kelemahan, yang berlaku misalnya kertas undi pos boleh dihantar oleh sesiapa sahaja, boleh dipangkah di hadapan sesiapa sahaja. Kelewatan sampai kertas undi pos ini ke tempat-tempat mengundi, di samping itu berlaku kehilangan kertas undi pos dan sebagainya. Masalah ini sering berlaku pada setiap kali pilihanraya, dan saya memohon kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya supaya suatu cara yang lebih efektif diambil, supaya dengan cara langsung akan dapat dilaksanakan dengan selamat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam tahun-tahun pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri. Saya juga memberi sokongan yang penuh terhadap peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini kerana saya memandangkan bahawa Jabatan Perdana Menteri, khususnya di bawah Unit Islam, Jabatan Perdana Menteri yang saya ingin sentuh adalah satu unit yang begitu besar bebanan dan juga masalah yang dipikulkan oleh mereka pada masa ini adalah sangat berat. Diantaranya ialah masalah tarbiah Islam terhadap penyelewengan akidah.

Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Islam yang akan melancarkan satu program pemulihan atau tarbiah besar-besaran di seluruh negara, bagi memulihkan akidah umat Islam yang dikotori oleh kurafat-kurafat dan dakyah-dakyah karut-marut yang dibawa oleh berbagai-bagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh bahawa Pusat Islam yang ada di bawah Jabatan Perdana Menteri hari ini, berada di hadapan mereka adalah satu masalah besar mengenai keadaan umat yang telah pun berada di dalam keadaan dilema akidah mereka, dengan isu-isu yang dibawa khasnya akan saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini. Isu-isu yang dibawa oleh satu parti yang bernama PAS, sayangnya wakil PAS tidak ada dalam Dewan sebentar ini. Isu yang dibawa oleh mereka sudah mencapai tahap serius.

Pada beberapa hari yang lepas, saya telah membuat pertanyaan kepada pihak Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri mengenai apakah tindakan-tindakannya, tetapi Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri ini menyatakan bahawa ia akan membuat kajian. Tetapi pada saya isu atau masalah yang telah pun berlaku khususnya di negeri Kelantan hari ini bukanlah perkara remeh-temeh yang boleh dipandang begitu sahaja, tetapi ia sudah merupakan satu perkara yang sudah mencapai tahap serius.

Ada perkara-perkara yang sedang berlaku di Kelantan hari ini ialah perceraian suami isteri. Saya ada 7 perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang sedang berlaku di negeri Kelantan dengan penyalahgunaan yang telah digunakan oleh mereka ini, yang perlu diambil kira oleh Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang paling menyedihkan, ialah pertama perceraian suami isteri berlaku, dan ini adalah perceraian taklik yang telah dibuat oleh golongan-golongan yang taksub, yang fanatik kepada parti PAS sendiri.

Kedua, memeralatkan Islam untuk kepentingan agama. Ini pada saya adalah perkara yang sudah lama dilakukan oleh mereka. Mereka telah menggunakan Al-Quran dan Hadis telah berjalan dari rumah ke rumah untuk menyatakan bahawa termaktub di dalam Al-Quran tentang memberikan sokongan kepada mereka.

Ketiga, di samping itu juga pengembangan kurafat dan juga karut-marut yang telah dibawa oleh PAS di dalam hujah-hujah mereka dalam kempen pilihanraya hingga sekarang. Di antaranya ialah pahala umrah bagi mereka yang memberi sokongan kepada parti PAS dan juga menjanjikan syurga. Di samping itu juga mereka telah pun menyatakan bahawa di antara kurafatnya ialah, malaikat di langit ada persamaannya dengan malaikat di bumi untuk memberi kemenangan kepada calon-calon PAS yang bertanding tempoh hari.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan, kalau Al-Arqam telah mengadakan satu kurafat yang mengatakan bahawa Ashaari bercakap dengan Nabi Muhammad dinyatakan kepada umum bahawa perbuatan itu adalah kurafat dan itu adalah salah di dalam Islam, mengapa apa yang telah dikurafatkan oleh parti PAS ini buat Pusat Islam sendiri tidak dapat mengkategorikannya sebagai suatu perkara kurafat yang menyelewengkan akidah umat Islam? Apakah kita berani berhadapan dengan Al-Arqam sebagai sebuah kumpulan dakwah tetapi tidak berani berdepan dengan PAS sebagai sebuah parti politik? Saya amat tidak berpuas hati dengan jawapan yang telah diberikan oleh Jabatan Perdana Menteri di bawah Pusat Islam baru-baru ini ialah, mengenai dengan soal kajian, kajian dan mengkaji. Jawapan itu hanyalah melepas batuk di tangga sahaja. Kita perlu membuat suatu penelitian. Mengkaji sahaja tidak cukup. Ia perlu turun ke bawah, melihat ceramah mereka betapa bahayanya mereka menerapkan perkara-perkara yang mengotori akidah umat Islam khususnya masyarakat di luar bandar di negeri Kelantan.

Kelima, saya dapati di dalam gerakan mereka menabur fitnah dan menghasut. Fitnah dan hasut yang telah dibawa oleh mereka boleh menjejaskan keselamatan negara. Di antaranya mereka pernah mengugut orang-orang yang tidak

memberi sokongan kepada mereka. Apa lagi yang hendak dilihat terhadap gerakan mereka ini dengan secara langsung?

Keenam, perpecahan sesama Islam nyata dan jelas. Sudah ada pulau-memulau di antara orang Islam dengan orang Islam. Kenduri-kendara yang sudah tidak lagi dikunjungi oleh mereka yang tidak menyokongnya dan beberapa perkara lagi. Pada Hari Raya Korban misalnya, ada lembu yang tidak dapat dikorbankan oleh kerana tidak sefahaman antara satu sama lain. Perpecahan di kalangan umat Islam jelas ternyata. Apakah kajian ini belum tercapai? Belum dapat dilihat oleh Pusat Islam secara terperinci?

Yang ketujuh, jelas dan nampak apa yang dilakukan oleh PAS pada masa ini adalah terang-terang bertentangan dengan ahli sunnah wal jamaah.

Inilah tujuh perkara yang saya nampak bagi pihak Pusat Islam perlu turun ke bawah, perlu membuat semakan semula ceramah-ceramah yang telah dianjurkan oleh mereka. Saya dapati dengan peruntukan yang diperuntukan tambahan oleh pihak kerajaan ini mampu bagi Pusat Islam bukan sahaja hanya setakat menubuhkan institusi tertentu untuk memberi pembersihan kepada akidah umat Islam, tetapi ia perlu membuat tindakan positif untuk menyelamatkan umat Islam di negara ini daripada terlibat dalam penggunaan Islam sebagai alat untuk kepentingan tertentu dan menyebabkan penyelewengan akidah umat Islam di negara ini.

Saya juga ingin menyatakan, tugas Pusat Islam yang telah diamanahkan adalah terlalu berat. Selagi masalah kurafat, masalah perpecahan umat Islam, masalah penyelewengan akidah yang telah diputarbelitkan oleh golongan ini tidak dapat dibersihkan oleh unit Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka selama itu Pusat Islam belum berjaya mengendalikan peranan mereka dalam masalah kebersihan dan kesucian Islam di negara ini.

Yang kedua, dalam masalah anti hadis. Ini juga pertambahan peranan Pusat Islam-iaitu masalah yang berlaku dalam negara kita ini mengenai anti hadis oleh satu kumpulan. Anti hadis ini bukanlah perkara kecil dan ia boleh melibatkan kerosakan akidah juga bagi umat Islam. Saya mengharapkan pihak Pusat Islam perlu menubuhkan jawatankuasa khusus untuk menentukan bahawa apakah benar perkara anti hadis ini berlaku di kalangan umat Islam di negara ini yang telah diketuai oleh seorang daripada pemimpin Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah P.19 Kementerian Pertanian, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pertanian ini ialah mengenai Bank Pertanian yang kepada saya telah menunjukkan keprihatinannya untuk membantu berbagai lapisan masyarakat petani.

Yang paling menarik perhatian saya ialah tumpuan Bank Pertanian kepada perkhidmatan baru iaitu Khidmat Patriot ke Pangkuan Pelanggan yang dijalankan di pasar-pasar tani, di sekolah-sekolah dan penjaja. Perkhidmatan ini nampaknya diturunkan terus kepada pelanggan dan ini juga sebagai satu kemudahan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa penabungan yang dilakukan oleh Bank Pertanian Malaysia ini adalah yang paling mudah dan menjimatkan masa pelanggan. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, dengan kemudahan yang disediakan ini bagaimanakah sambutan para pelanggan terhadap sistem ini? Apakah pihak Bank Pertanian Malaysia mendapat keuntungan dengan secara ini?

Saya juga ingin mengetahui daripada Bank Pertanian Malaysia mengenai tabungan yang dilaksanakan. Saya difahamkan bahawa Bank Pertanian mempunyai banyak penabungan. Di

antaranya ialah penabungan Patriot Muda, Patriot Remaja, Patriot Tani, Patriot Ummah, Patriot 2020 dan Patriot Tetangga untuk bukan warganegara. Yang manakah di antara tabungan ini yang paling mendapat sambutan dan bagaimanakah cara pelaksanaannya dilakukan? Apakah dengan penabungan yang dibuat oleh Bank Pertanian Malaysia ini akan mempertingkatkan lagi dana untuk mereka menambahkan lagi bantuan kerajaan di bawah PPRT dan SPKP dan berapakah jumlahnya?

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan iaitu B.26. Pendidikan adalah merupakan aset negara yang terpenting. Menerusi pendidikan di negara ini kita boleh mencorakkan generasi kita ke arah yang lebih progresif dan dinamik dengan keilmuan-keilmuan mereka yang cukup. Sebagaimana dalam hadis Rasullullah yang bermaksud, 'kalau kita hendak pada dunia pun kita kena tuntutan ilmu, hendak pada akhirat pun kena tuntutan ilmu dan kalau hendak kedua-duanya sekali pun kena tuntutan ilmu'. Ertinya semuanya ada dalam perbendaharaan Kementerian Pendidikan.

Dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah di atas perlantikan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kepada Kementerian Pendidikan. Mudah-mudahan dengan perlantikan ini beliau akan dapat membawakan perubahan kepada Kementerian Pendidikan menjurus kepada pendidikan negara yang lebih berkesan dan progresif.

Saya tertarik dengan satu perancangan dan juga satu pelaksanaan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan mengenai KRS (Kadet Remaja Sekolah). Ini amat baik dan juga pada saya kena pada masanya di kala kita di dalam keadaan menghadapi kelemahan beberapa disiplin sekolah, kelemahan

disiplin di kalangan anak-anak. Mudah-mudahan dengan adanya Kadet Remaja Sekolah ini ianya benar-benar dapat mengisi kehendak untuk meletakkan disiplin sekolah ini dapat diatasi dengan beberapa penglibatan remaja sekolah kepada jenayah dan sebagainya.

Cuma saya ingin mengetahuinya bilakah pelaksanaan ini akan dilakukan dan bagaimanakah bentuk pelaksanaannya KSR ataupun Kadet Remaja Sekolah ini dijalankan kepada sekolah-sekolah?

Di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam memperkatakan mengenai Kementerian Pendidikan ini bahawa satu perkara yang kita tidak dapat nafikan, kita memang bangga bidang pendidikan negara sedang mengalami perubahan ke arah menyahut cabaran baru selaras untuk melahirkan generasi yang berketerampilan dan berdaya saing. Di samping itu, kita ingin melihat bahawa Kementerian Pendidikan benar-benar akan dapat mengisi kehendak negara untuk melahirkan generasi bukan sahaja mempunyai keilmuan yang tinggi di bidang keduniaan, tetapi mereka juga akan berjaya di bidang keakhiratan dan kerohanian. Saya ingin bertanya mengenai kurikulum pengajian Al-Quran di sekolah-sekolah.

Setakat kurikulum pengajian Al-Quran di sekolah-sekolah telah pun ditambahkan waktu dan dijalankan dengan begitu baik dan sempurna. Tetapi masih kedapatan lagi ada anak-anak kita yang masih buta huruf lagi terhadap pengajian Al-Quran. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan apakah suatu kajian telah dibuat secara terperinci mengenai jumlah murid-murid sekolah yang masih kedapatan buta huruf Al-Quran di kalangan mereka? Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan bahawa pengajian Al-Quran ini apakah sistem yang telah dijalankan atau kurikulum yang telah ditetapkan oleh Kementerian ini benar-benar berjaya

dalam menangani supaya anak-anak kita benar-benar berjaya khususnya di bidang keagamaan?

Maksud B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Apa yang kita lihat pada masa kini, saya telah pun meneliti sama ada dari akhbar-akhbar dan juga perkara-perkara yang sedang berlaku dalam negara ini ialah mengenai penderaan anak-anak.

Penderaan anak-anak di negara ini sudah nampaknya di tahap yang amat merbahaya, yang mana di negara kita ini sudah dapat dilihat sudah kedapatan mereka yang tidak berperikemanusiaan, bapa yang sudah berani, seperti kejadian di Melaka dengan secara langsung, dengan tidak ada perasaan belas kasihan telah pun mendera anaknya sendiri. Dan beberapa penderaan terus berlaku.

Pada saya, nampaknya jumlah penderaan anak-anak ini bukannya terus berkurangan, tetapi ianya terus bertambah. Penderaan ana-anak ini tidak dapat dibendung dengan begitu baik dan sempurna. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, apakah akta yang ada sekarang sudah boleh mencukupi untuk mengatasi masalah penderaan anak-anak ini? Walaupun mungkin Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan menyatakan bahawa di dalam akta itu sudah termaktub segala-galanya, tetapi pada saya kalau akta yang ada tidak mencukupi, ia perlu digubal suatu akta yang baru. Di samping itu, apakah peranannya tertentu yang dapat dilakukan oleh kementerian ini untuk mengatasi perkara-perkara yang seperti ini, walaupun di antaranya adalah tanggungjawab masyarakat sendiri dan keupayaan masyarakat di samping membantu pelaksanaan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang telah pun dapat saya perkatakan secara ringkas dalam Dewan yang mulia ini dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi peruntukan wang untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut ini. Saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.54 ptg.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Berbelanja melebihi had adalah perkara yang tidak patut berlaku. Malahan dianggap sebagai suatu pengurusan yang kurang cekap. Semasa pembentangan Belanjawan 1995, Timbalan Perdana Menteri telah menasihati dan mengingatkan ketua-ketua jabatan supaya menghindari daripada gejala itu.

Sering kali kita menerima permintaan daripada jabatan-jabatan kerajaan untuk menambah bekalan-bekalan tambahan kerana perbelanjaan mereka jauh melebihi budget. Dengan berlakunya keadaan ini, ia mencerminkan sikap pentadbir yang kurang cekap atau cuai dalam menguruskan perbelanjaan jabatan masing-masing. Dengan itu kewibawaan pentadbiran mereka terjejas di samping membebankan kerajaan.

Adalah disyorkan Kementerian Kewangan harus memberikan arahan dan peringatan kepada ketua-ketua jabatan supaya mereka lebih berhati-hati dalam merencanakan sesuatu sebelum melaksanakan projek-projek mereka. Dengan cara ini, kos perbelanjaan dapat dijimatkan dan tidak melebihi budget.

Permintaan perbelanjaan tambahan daripada Kementerian Perpaduan Negara

dan Pembangunan Masyarakat sebanyak RM2,900,000- sehubungan dengan itu, saya berharap pihak yang berkenaan dapat melancarkan satu perancangan bagi melahirkan satu masyarakat yang sihat, penyayang dan prihatin. Harus juga diberi perhatian bahawa jumlah penagih dadah yang dianggarkan seramai 170,000 dapat dipisahkan daripada masyarakat umum dengan cara mengadakan pusat pemulihan khas dan perubatan bagi mereka.

Menurut perangkaan daripada Kementerian Kesihatan 60% hingga 65% penagih dadah yang dipulihkan daripada pusat-pusat pemulihan kembali kepada tabiat lama mereka. Penagih-penagih ini jika dibiarkan berada di seluruh pelosok negara, masalah-masalah sosial akan meningkat, kerana mereka akan merebakkan gejala buruk ke alam persekitarannya.

Di samping itu, pesakit-pesakit AIDS atau pembawa-pembawanya yang dianggarkan setinggi 85% daripada jumlah penagih dadah adalah amat serius. Dengan itu, pihak yang berkenaan harus mengambil langkah yang positif bagi mengatasi masalah ini supaya tidak merebak dan menjadi masalah sosial dan tidak terkawal.

Selain dari itu, saya juga berharap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dapat memberi perhatian dalam aktiviti-aktiviti dijalankan di dalam pusat-pusat pemulihan untuk kesalahan juvana. Seperti yang kita sedia maklum, beberapa negeri ada mewujudkan sekolah-sekolah dan pusat-pusat pemulihan seperti Sekolah Henry Gurney untuk kanak-kanak yang ditangkap kerana melakukan kesalahan juvana. Di pusat-pusat pemulihan ini mereka diberikan berbagai latihan kemahiran seperti pertukangan kayu, menjahit, menggunting rambut dan lain-lain.

Dalam pandangan saya, mereka patut juga diberikan latihan-latihan yang lebih

berteknologi canggih mengikut perkembangan masa seperti kelas-kelas komputer bagi mereka yang lebih cerdas dan berbakat. Ini adalah kerana apabila mereka keluar daripada pusat-pusat pemulihan itu, mereka tidak akan rasa ketinggalan zaman dan masyarakat akan lebih bersedia untuk menerima mereka.

Seterusnya permintaan tambahan saya ditujukan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Untuk pengetahuan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan kerajaan kepada kementerian ini berjumlah RM29,910,000.

Matlamat utama sukan diadakan ialah untuk merapatkan nilai-nilai semangat kesukanan yang tinggi dan menyatupadukan masyarakat, akan tetapi akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan berita-berita yang melaporkan pemain-pemain bola sepak mengambil dadah dan juga bersandiwara di atas padang. Semangat kesukanan juga hampir luput dalam sukan-sukan yang lain.

Contohnya, dalam perlawanan akhir bola keranjang Piala Agong, pemain-pemain bertengkar dan hampir tidak mahu meneruskan perlawanan. Perlakuan-perlakuan ini sudah jauh terpesong daripada matlamat asal sukan diadakan. Jurulatih sekarang lebih mementingkan latihan fizikal dan kecergasan pemainnya, semangat kesukanan dan moral pemain telah diabaikan.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kementerian dapat mewujudkan sebuah kem atau pusat di semua negeri untuk memberi latihan dan tunjuk ajar kepada pemain-pemain bagi mengembalikan semangat kesukanan dan menyemaikan nilai-nilai moral di dalam diri mereka. Ini haruslah dilakukan daripada peringkat bawahan dahulu supaya dapat mewujudkan satu asas yang kukuh apabila sampai ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini akhirnya akan menaikkan imej negara di mata dunia.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap lebih baik perbincangan kita, kita tumpukan kepada maksud Perbekalan Tambahan yang dikemukakan oleh kementerian tadi. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

5.02 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta untuk membincang dan juga seterusnya menyokong akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 1994 dan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun diperjelaskan oleh Ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum saya tadi, saya telah pun meneliti kertas memorandum yang telah pun disertakan dengan akta ini khasnya dari segi anggaran perbelanjaan bagi tahun 1994 di mana anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 1994 seperti mana yang telah pun diluluskan oleh kita bersama ialah sebanyak RM33.2 bilion yang telah pun kita luluskan pada hujung tahun 1994 dahulu.

Kita telah pun meluluskan beberapa anggaran tambahan, yang pertama, kedua, ketiga dan kali ini yang keempat dan dengan anggaran tambahan ini perbelanjaan mengurus kita telah pun naik kepada RM50.1 bilion. Dan ini menunjukkan pertambahan sebanyak RM16.8 bilion ataupun 50.66% daripada anggaran yang telah pun sama-sama kita luluskan pada akhir tahun 1994 yang lalu.

Ini kemungkinannya menunjukkan bahawa kerajaan mempunyai kewangan yang lebih dan juga mampu berbelanja melebihi 50% setakat ini daripada apa

yang telah pun kita luluskan dan juga kemungkinannya seperti mana yang telah pun diperkatakan oleh rakan saya tadi, kemungkinannya kesilapan kita, ketidakmampuan kita dari segi membuat fokus ataupun membuat unjuran tentang perbelanjaan-perbelanjaan yang akan diperlukan bagi tahun-tahun yang berikutnya. Apa yang saya harapkan ialah untuk masa-masa yang akan datang khasnya kepada sahabat-sahabat saya daripada pegawai-pegawai kerajaan yang membuat perbelanjaan-perbelanjaan ini, yang membuatkan budget ini supaya kalau boleh janganlah terlampau sangat jauh larinya daripada apa yang telah pun kita luluskan dengan apa yang telah pun kita pohon setakat ini.

Saya juga sempat melihat satu perkara yang ingin saya nyatakan di sini ialah saya lihat pertambahan 50.66% ini merupakan tambahan dari segi perbelanjaan mengurus tetapi dari segi perbelanjaan pembangunan, ianya hanya bertambah RM1 bilion—daripada RM13.8 bilion kepada RM14.9 bilion—hanya pertambahan RM1 bilion ataupun 7.9% sahaja. Bermakna dari segi pertambahan perbelanjaan kerajaan ianya telah pun banyak bertambah menjurus kepada perbelanjaan dari segi untuk mengurus tambahan kenaikan gaji dan juga yang lain-lainnya kalau dibandingkan dengan tambahan dari segi perbelanjaan pembangunan.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh sebelum saya pergi dari satu persatu kerana Tuan Yang di-Pertua meminta saya pergi direct kepada perkara-perkara yang ditimbulkan di dalam ini, saya juga ingin menimbulkan satu perkara, saya telah menjadi ahli Dewan Negara sejak tahun 1991 dan ini adalah kali yang kelima kita membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Baru-baru ini saya telah pergi ke Dewan Rakyat melihat persidangan Dewan Rakyat dan saya dapati satu pembaharuan telah pun dibuat di Dewan Rakyat, saya dapati

apabila kita membincangkan Akta Perbekalan Tambahan, kementerian-kementerian itu sendiri baik Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimennya menjawab ataupun memberikan penjelasan.

Saya percaya juga agaknyalah di Dewan Negara pun perkara sedemikian akan dilakukan kerana tidak ada beza di antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara. Kemungkinannya dulu-dulunya saya lihat hanya Timbalan Menteri Kewangan ataupun Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sahaja yang menjawab bagi pihak keseluruhan kementerian, tetapi kini telah pun berlaku satu perubahan agaknya di Dewan Rakyat kerana saya pun tidak pernah pergi, hanya baru ini sahaja saya pergi, saya dapati tiap-tiap kementerian menjawab dengan sendiri.

Saya percaya perkara yang sama juga akan dilakukan di Dewan Negara kerana taraf kedua-dua Dewan ini, sebenarnya Dewan Negara mengatasi Dewan Rakyat. Kerana kita hendak biarlah kita faham mungkin menteri-menteri sibuk, tetapi kita juga ada timbalan-timbalan menteri, Setiausaha-Setiausaha Parlimen yang boleh menjawab satu persatu daripada apa yang akan dan telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan di dalam mesyuarat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara, pertamanya ialah Maksud P.11 iaitu Perbendaharaan, saya ambil perkara yang ketiga sebanyak RM34,263,000 sebagai pemberian kerajaan-kerajaan negeri bagi penyelenggaraan jalan-jalan raya negeri-negeri. Seperti mana yang kita ketahui setengah-setengah jalan raya dimiliki ataupun diuruskan oleh Kerajaan Pusat, setengah-setengah jalan diuruskan, diselenggarakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. jadi, timbul kadang-kadang itu jalan yang diuruskan oleh Kerajaan Pusat, keadaannya baik tetapi jalan yang diuruskan dan diselenggarakan oleh kerajaan negeri keadaannya berlubang-

lubang dan sebagainya, tidak ada penyelarasan.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya semua jalan raya di seluruh negara kita ini diambil-alih dari segi penyelenggaraannya oleh Kerajaan Pusat, tidak payah - separuh kerajaan negeri dan separuh Kerajaan Pusat. Semuanya diselenggarakan oleh Kerajaan Pusat supaya ada koordinasi di antara tugas penyelenggaraan jalan-jalan. Jadi, ada pihak yang melihat, kita tidak mahu setengah jalan baik, setengah jalan tidak baik dan juga sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya timbulkan ialah mengenai Suruhanjaya Pilihanraya yang mendapat RM6.2 juta bagi tambahan tahun 1994 dan juga RM36.5 juta bagi tambahan pertama bagi tahun 1995. Satu untuk pilihanraya di negeri Sabah dan satu untuk kita menghadapi pilihanraya umum. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah pun berjaya mengadakan pilihanraya baru-baru ini dan menguruskan pilihanraya di negara kita. Walaupun terdapat kelemahan-kelemahan di sana sini, tetapi saya percaya ianya boleh diperbaiki lagi.

Saya berharap Suruhanjaya Pilihanraya akan dapat mengemaskinikan daftar-daftar pemilih supaya tidak dengan mudah seseorang itu memindahkan pengundi-pengundi dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain kerana ini semuanya di buat dengan komputer dan hanya dengan sekali 'press button' sahaja, kemungkinan puluhan ribu ataupun beribu-ribu pengundi dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain tanpa pengetahuan pengundi-pengundi itu sendiri.

Saya berharap juga Suruhanjaya Pilihanraya akan dapat memastikan tidak akan berlaku soal hendak buat penjumlahan pun boleh silap, kadang-kadang perkara itu terlampau kecil sangat - untuk penjumlahan, kadang-kadang pusat

pengundian hanya ada 10 ataupun 20 pusat pengundian dan kadang-kala boleh berlaku kesilapan dari segi penjumlahan.

Sebagaimana yang saya ketahui, seorang calon yang bertanding dalam pilihanraya hanya boleh berbelanja tidak lebih daripada RM50,000. Saya berharap dalam perkara ini, kita kenalah berlaku adil dan juga bercakap benar - sebenarnya, sesetengah calon itu berbelanja lebih daripada RM50,000. Sebenarnya RM50,000 ini sudah tidak sesuai lagi. Sepatutnya akta ini dipinda untuk dinaikkan supaya calon-calon boleh berbelanja lebih daripada had yang telah pun diputuskan dan yang telah pun diluluskan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Juga dari segi pendaftaran pengundi, saya lihat Suruhanjaya Pilihanraya hanya mengharapkan kepada jentera daripada mereka yang tidak terlibat dengan parti, pertubuhan-pertubuhan belia ataupun pertubuhan-pertubuhan masyarakat.

Saya berharap supaya apabila proses pendaftaran pengundi dijalankan, jentera-jentera seperti parti; pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan-pertubuhan masyarakat juga akan dapat digunakan. Satu perkara yang saya dapat lihat sendiri, semasa pilihanraya yang baru lalu, walaupun saya tidak bertanding dalam pilihanraya yang lalu, tetapi saya sendiri terlibat secara langsung, semasa pilihanraya yang lalu, di mana saya melihat adanya pengundi-pengundi yang namanya keluar dua kali. Satu, pakai kad pengenalan lama dan satu lagi pakai kad pengenalan baru. Perkara ini memang berlaku dan saya percaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya boleh melihat perkara ini dan saya harap ianya akan dapat di buat pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah Jabatan Perdana Menteri, di mana di bawah Jadual Pertama mendapat RM35.6 juta dan juga di bawah Jadual Kedua mendapat RM140 juta. Daripada RM35.6 juta ini, RM3.7

juta adalah bagi menampung kos pembelian peralatan dan kerja-kerja mengenai operasi Restoran Melayu yang terdapat di Kuala Lumpur. Saya sendiri telah pun beberapa kali pergi ke Restoran Melayu dan saya dapati sambutan sungguhlah menggalakkan dan saya berharap pihak kerajaan juga akan memikirkan untuk mendirikan restoran Melayu ataupun restoran Malaysia ini, bukan hanya di Kuala Lumpur sahaja, tetapi juga di ibu-ibu negeri yang lain, supaya apabila pelancong-pelancong dari luar negara datang, mereka bukan hanya bertumpu setakat di Kuala Lumpur sahaja, tetapi mereka juga kadangkala pergi ke negeri-negeri lain untuk menikmati hidangan dan juga pemandangan di negeri-negeri yang berkenaan. RM140 juta itu adalah peruntukan bagi wakil-wakil rakyat iaitu Ahli-ahli Parlimen di beri RM300,000.

Walaupun seorang Ahli Parlimen, misalnya kalau dia di kawasan Bandar Tun Razak, dia jaga hanya kawasan Tun Razak. Tetapi kami, Ahli Dewan Negara, sebagai mewakili seluruh negara, jadi, tugas kita pun berat juga. Rakyat dari seluruh negara datang minta bantuan, minta derma, minta projek dan sebagainya. Kita tidak hendaklah peruntukan sampai RM300,000 - sama taraf dengan wakil rakyat, tetapi kita hendak, kalau dapat pihak kerajaan juga memikirkan daripada RM140 juta yang telah diluluskan tadi, sekurang-kurangnya RM100,000 diberikan peruntukan bagi Ahli-ahli Dewan Negara untuk disalurkan kepada projek-projek untuk rakyat dan juga bukan untuk kami tetapi adalah untuk keperluan pembangunan juga, kerana mereka juga melihat kita sebagai Ahli Dewan Negara pun seolah-olah sebagai Wakil Rakyat juga.

Tuan Yang di-Pertua,....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:
(Menyampuk)

Tuan Rahim bin Baba: Puan Hajah kita meminta sama banyak - RM300,000.

Wanita biasanya dia minta lebih lagi, tetapi saya lelaki tidak apalah, kita dapat RM100,000 pun kita bersyukur. Kalau dapat harap dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah Maksud B.14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - RM1.5 juta telah pun diperuntukkan untuk pertandingan 'landscape' - untuk halaman cantik dan juga pertandingan pembersihan perairan di bandar dan juga bandaraya di seluruh Malaysia untuk menyambut Hari Kebangsaan 1994. Jadi, bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadi Malaysia sebagai "garden city" menjelang tahun 2005, seperti yang telah pun disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya harapkan peruntukan yang lebih, bukan hanya untuk pertandingan halaman cantik, tetapi kita buat juga pertandingan kampung cantik, bandar cantik dan juga bangunan cantik supaya semua pemilik ataupun Ahli-ahli Majlis Bandaran ini akan berusaha untuk mencantikkan bangunan-bangunan atau pun untuk mencantikkan daerah-daerah atau pun bandar masing dan kerajaan memberikan imbuhan. Kalau dia menang di tempat pertama mungkin diberi RM10 juta, tempat kedua diberi RM8 juta, tempat ketiga di beri RM7 juta ataupun sebagainya.

Dalam soal ini juga, saya masih ingat lagi hasrat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bercahaya tetapi saya lihat sejak akhir-akhirnya Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya yang sungguh malang. Saya tahu di bawah undang-undang kecil dewan bandaraya ataupun majlis-majlis bandaran, kalau seorang pengiklan hendak membuat iklan billboard dengan meletakkan "lighted" - yang ada api dan ada lampu, ia akan dikenakan bayaran yang lebih oleh pihak dewan bandaraya ataupun majlis bandaran, kalau dibandingkan dengan mereka yang

membuat iklan yang tidak ada lampu. Jadi, dalam kontek ini, kepada saya, sepatutnya digalakkan pengiklan-pengiklan ini membuat iklan-iklan yang ada lampu dan dikenakan bayaran yang kurang daripada mereka yang membuat iklan yang tidak ada lampu.

Sepatutnya dia reverse tetapi kita menganggap bahawa kalau syarikat itu mampu, sudahlah syarikat itu kena bayar duit lampu, duit elektrik, selepas itu kena bayar lebih, selepas itu Dewan Bandaraya pula kenakan tekanan bayaran yang lebih, jadi tidak ada insentif langsung. Sepatutnya, kalau hendak jadikan Kuala Lumpur ini sebagai bandaraya bercahaya—bukan hanya di Kuala Lumpur malah bandar-bandar lain pun—kalau hendak jadikan sebagai satu bandaraya yang bercahaya, sepatutnya keadaan yang reverse sepatutnya dilakukan oleh majlis-majlis tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh B.22—Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Sebanyak RM3.5 juta seperti mana yang disarankan oleh yang Berhormat Timbalan Menteri tadi digunakan untuk membiayai kerja-kerja menyelamat dan juga mendapatkan barang-barang lama dari Kapal Caroline. Cuma kita hendak sedikit penjelasan. Adakah barang-barang ini telah pun dapat? Berapa banyak yang telah pun dapat? Kita sudah belanja RM3.5 juta. Bagaimana hasilnya? Adakah kita dapat barang-barang lama yang telah pun dibongkar daripada Kapal Caroline?

Saya juga ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini. Baru-baru ini saya berkesempatan melawat Memorial Tunku Abdul Rahman. Saya percaya kalau ada pelawat yang datang ke Kuala Lumpur hendak mencari Memorial Tunku Abdul Rahman pun, ramai yang tidak tahu agaknya. Mungkin setengah daripada kita pun, mungkin di sini pun ada yang ramai belum pergi lagi. Saya nampak sahabat saya senyum, dia belum pergi lagilah.

Jadi, saya harapkan supaya ada signboards sedikit mengatakan di mana letaknya Memorial Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin agung kita yang pertama, di Kuala Lumpur ini diletakkan supaya orang tahu di mana letaknya. Kalau tidak, kita yang duduk di Kuala Lumpur ini pun tidak tahu. Saya ini nasib baiklah ada pelawat dari luar negeri datang, dia minta saya bawakan dia ke Memorial Tunku Abdul Rahman. Saya mula-mula puas fikir di mana. Saya telefon kawan saya, saya cakap Melayu dia tidak faham dan barulah saya tahu di situ rupanya.

Jadi, saya harapkan supaya ada galakan ataupun promosi (promotions) untuk diletakkan signboards supaya kita dapat mengetahui di mana letaknya Memorial Tunku Abdul Rahman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.25—Kementerian Pertahanan. Sebanyak RM163 juta campur RM143 juta di bawah Jadual Kedua telah pun diperuntukkan kepada kementerian ini untuk membiayai perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia berkhidmat di Pasukan Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia dan juga di Somalia. Saya ingin tahu adakah bayaran ini akan dibayar balik oleh pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana setahu saya, elaun untuk pegawai-pegawai ini akan ditampung oleh PBB dan mungkin juga perbelanjaan. Berapakah perbelanjaan ini yang ditampung oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh kepada Kementerian Kesihatan iaitu B.34. Kementerian Kesihatan mendapat RM118 juta campur RM64 juta di bawah Jadual Kedua. Tahun 1984 dia dapat RM118 juta, tahun 1995 tambah lagi RM64 juta. Ini adalah untuk subsidi rawatan kakitangan kerajaan dan golongan pesakit miskin di Institut Jantung Negara (IJN) dan juga untuk menubuhkan Unit Kardiologi dan juga yang lain-lainnya seperti peralatan-peralatan untuk hospital-hospital.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa soal kesihatan adalah merupakan soal yang sebegitu penting kepada penduduk negara kita. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memikirkan peruntukan. Di samping kita membina hospital-hospital yang canggih, yang siap dengan segala kemudahan, difikirkan juga kadang-kala kebanyakan hospital seperti di Institut Jantung Negara ini hanya ada di Kuala Lumpur dan kadang-kala yang mendapat rawatan ialah mereka yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah, yang datang ke Kuala Lumpur, baik ke Hospital Kuala Lumpur dan juga hospital-hospital lain, menghadapi masalah tempat tinggal.

Saya ingin mencadangkan supaya peruntukan juga difikirkan supaya didirikan asrama-asrama bagi membolehkan keluarga pesakit ini tinggal di asrama-asrama sementara menunggu atau menantikan rawatan dan juga untuk melawat pesakit-pesakit ini. Kadang-kala itu, kalau duduk di hotel-hotel, maklum sahajalah di Kuala Lumpur ini, kadang-kala belanja di hotel lebih mahal daripada belanja untuk pesakit yang di hospital itu.

Jadi, kalau boleh kerajaan dirikan asrama-asrama yang basic pun cukup, ada tempat tidur, bilik air—cukup. Tidak perlu ada air-cond, tidak perlu ada yang terlampau canggih sangat kerana biasanya orang kampung, dia tidak tahu pun, tidak sesuai. Suddenly dapat bilik air-cond dan sebagainya walaupun mereka itu berhak. Tetapi biarlah yang basic, ada bilik dan juga mereka boleh tidur dan melawat pesakit-pesakit yang terlantar di hospital.

Tuan Yang di-Pertua, B.36 Polis Di-Raja Malaysia yang telah pun diperuntukkan RM143 juta di bawah Jadual Pertama dan juga RM31.8 juta di bawah Jadual Kedua di mana RM59.4 juta diperuntukkan untuk melaksanakan berbagai program dan juga aktiviti pasukan polis bagi tahun 1994.

Memang kita tidak dapat nafikan bahawa anggota polis adalah sebagai sebahagian dari anggota masyarakat. Kita mahu peruntukan-peruntukan yang lebih supaya polis sentiasa mendampingi masyarakat supaya masyarakat tidak merasa takut dengan polis. Kadang-kala fikiran orang-orang sekarang ini lain. Kalau dahululah, kalau pergi sahaja ke balai polis, tanggapan itu lain, masuk sahaja ke balai polis itu suasana dan perasaan sudah lain. Kita hendakkan masyarakat dan polis biarlah mempunyai hubungan yang begitu erat dan kita harapkan supaya lebih banyak lagi program-program pihak polis bersama masyarakat. Kalau tentera boleh ada projek "Tentera Turun ke Desa", buat kerja-kerja gotong-royong, saya percaya pihak polis juga boleh diberikan peruntukan-peruntukan. Mereka juga mempunyai kepakaran-kepakaran yang tertentu untuk bersama-sama dengan rakyat ataupun untuk mengadakan majlis-majlis gotong-royong seperti mana yang dilakukan oleh pihak tentera.

Dengan ini, kita dapat merapatkan hubungan di antara polis dan juga tentera. Pada masa yang sama juga, saya berharap supaya setengah-setengah balai polis itu—khususnya kalau di Kuala Lumpur ini, saya fikir sudah tidak sesuai lagi. Saya percaya dan saya harap kalau setengah-setengah balai polis, khususnya di pusat-pusat bandar di Kuala Lumpur ini hendaklah terus dimodenkan lagi, pasangkan dengan air-cond dan sebagainya, diberikan penghawa dingin—mempunyai kemudahan-kemudahan yang setaraf seperti yang terdapat di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Maksud B.42, iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sebanyak RM2.9 juta dikehendaki untuk menampung kenaikan kadar baru bantuan kebajikan. Kadar untuk bantuan kebajikan ini saya fikir dari segi undang- undang-nya tidak ada akta ataupun peruntukan di mana ianya dikaji dari masa ke semasa. Saya mencadangkan

supaya kadar bantuan kebajikan masyarakat ini dikaji setiap kali kerajaan membuat kajian terhadap gaji pegawai-pegawai kerajaan. Setiap kali gaji pegawai kerajaan dikaji, kadar bantuan ini juga dikaji. Janganlah sampai 10 atau 20 tahun, kadar bantuan yang didapati 10 tahun dahulu sama dengan bantuan yang didapati hari ini. Kerana dengan inflasi yang terdapat dan juga kenaikan kos sara hidup, tentulah bantuan-bantuan yang lebih diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai Kementerian Pengangkutan. Saya lihat, untuk Maksud B.47, sebanyak RM22 juta tidak dibayar sebagai kerugian Keretapi Tanah Melayu Berhad. Saya ingin bertanya, sampai bila? Kerana sekarang ini, KTM telah pun diswastakan—adakah selama-lamanya pihak kerajaan terpaksa membayar ganti rugi kepada Keretapi Tanah Melayu walaupun ianya telah pun diswastakan ataupun telah menjadi syarikat swasta dan kita berharap ianya akan dapat penjelasan daripada pihak kementerian.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan di mana di bawah Maksud B.17—di bawah program Rakan Muda, diberikan peruntukan sebanyak RM29.9 juta. Kalau tak silap saya, setahun dahulu kita telah pernah berbincang di Dewan ini juga di mana program Rakan Muda ini telah pun diperuntukkan lebih kurang RM70 juta pada masa itu. Jadi, apakah peruntukan itu tidak mencukupi dan hari ini ditambah lagi RM29.9 juta dan kemungkinannya akan ditambah untuk masa-masa yang akan datang? Tetapi kita berharap, walau banyak mana wang yang dibelanjakan, program Rakan Muda ini akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, buat pengakhirnya, Maksud B.52 Kementerian Kerja Raya telah pun diperuntukkan RM150 juta, ditambah RM600 juta dalam Jadual Kedua untuk projek-projek khas penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, bangunan-bangunan hospital, klinik, bangunan balai polis dan juga penyelenggaraan khas bagi negeri Sabah dan juga negeri Sarawak.

Memang telah pun sampai masanya pejabat-pejabat kerajaan diubahsuai sekarang ini kerana kita telah pun menganggap negara kita sebagai negara yang maju. Kalau di Kuala Lumpur, memang kita tidak dapat nafikan, walaupun kadang kala kita kalau masuk sahaja ke sesuatu pejabat itu, kita boleh bezakan di mana pejabat kerajaan, mana pejabat swasta. Boleh kita rasakan.

Tetapi apa yang lebih terasa lagi, kalau kita pergi ke kawasan-kawasan luar bandar, ke bandar-bandar kecil, kita dapati masih terdapat banyak lagi bangunan-bangunan kerajaan dan pejabat-pejabat kerajaan yang masih belum sempurna lagi dan saya berharap peruntukan-peruntukan yang lebih akan dapat disalurkan untuk memastikan pejabat-pejabat kerajaan akan dapat diselenggarakan dengan lebih baik dan dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang terkini supaya rakyat mendapat perkhidmatan ataupun rakyat dapat turut sama merasai nikmat daripada kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hanya itu sahaja pandangan-pandangan saya dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Tuan Ding Seling.

5.36 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi

kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi memperuntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya minta izin untuk memberi sedikit sebanyak komen dan pandangan saya mengenai beberapa aspek yang dibentangkan di sini. Sebelum itu, ingin juga saya jelaskan, sekiranya pandangan saya itu adalah mirip ataupun dari sudut pandangan orang dari hulu-hulu sungai ataupun dari pihak orang dari pedalaman—yang sebenarnya rakan saya yang baru sahaja bercakap tadi, selalu bercakap kepada saya, “kenapa saudara ini selalu bertanya mengenai Sarawak, perahu, sungai dan sebagainya.”

Jadi, saya beritahu beliau, “kalau saya tidak cakap itu, adakah saudara hendak bercakap mengenai itu?” Saya beritahu beliau, mengenai perkara-perkara lain, isu-isu yang berkaitan dengan negara kita dan juga antarabangsa, ini adalah isu-isu yang boleh difikirkan oleh saudara-saudara yang di sini, di Kuala Lumpur, dekat dan terdedah kepada perkara-perkara yang berlaku dalam negara kita dan juga di antarabangsa.

Oleh itu, saya membuat excuse, dengan izin, untuk bercakap khusus ataupun selalu dari sudut pandangan yang sempit dari hulu-hulu sungai. Biarlah rakan-rakan yang lain, yang lebih bijaksana mengenai isu-isu negara kita dan juga internasional untuk menyentuh perkara itu.

Seterusnya, pertama sekali saya ingin menyentuh Maksud B.4, iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Dalam Jadual Pertama, kita telah dimaklumkan tadi sebanyak RM6.2

juta telah diberi dan diluluskan khusus untuk pilihanraya di Sabah dahulu dan seterusnya dalam Jadual Kedua, sebanyak RM36.5 juta.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menjalankan satu pilihanraya yang begitu baik. Dari apa yang berlaku di tempat-tempat pedalaman, walaupun di Sarawak, kita menjalankan pengundian itu 2 hari, tetapi pada masa 2 hari itu kita lihat dari segi keselamatan undi dan perjalanan-perjalanan helikopter, perahu, jalan kaki dan sebagainya adalah begitu terancang.

Dengan itu, saya tahu bahawa pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya memang telah begitu aktif dan juga sensitif mengenai keperluan-keperluan yang harus diambil kira untuk menentukan orang-orang di tempat pedalaman mengambil bahagian sepatutnya dalam pilihanraya. Dengan itu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pilihanraya. Saya harap dalam masa-masa hadapan, pilihanraya-pilihanraya akan datang, perkhidmatan yang cemerlang seperti itu akan diteruskan.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu pandangan iaitu mengenai senarai-senarai orang-orang dari desa, dari ulu-ulu sungai, dari rumah-rumah panjang, yang menjadi pemilih ataupun pengundi, saya selalu diberitahu oleh beberapa orang yang mengatakan bahawa ada orang yang telah meninggal tetapi namanya masih dalam senarai, apabila senarai itu dipamerkan di tempat-tempat seperti di pejabat-pejabat daerah ataupun di pejabat-pejabat tertentu.

Ini adalah kerana khusus tempat-tempat di negeri Sarawak, apabila orang meninggal di kampung-kampung di hulu sungai, kematian itu jarang-jarang dilaporkan. Oleh yang demikian, mungkin pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak

mendapat maklumat itu. Dengan yang demikian, tidak dapat, tidak sempat ataupun tidak mendapat maklumat langsung untuk updating, dengan izin, senarai mereka.

Jadi, oleh yang demikian, sehubungan dengan itu mungkin ada pihak-pihak yang tertentu yang melihat masih lagi ada nama orang yang telah meninggal itu, mungkin menyalahgunakan hak memilih dan mungkin memilih dua kali dengan menggunakan kad pengenalan orang lain ataupun orang yang telah meninggal itu. Kerana, kita tidak tahu apabila orang yang itu telah meninggal, kita tidak tahu sama ada jabatan berkenaan telah mengambil balik kad pengenalan mereka ataupun tidak.

Sehubungan dengan itu juga, kita sedia maklum sekarang seperti dalam perbincangan hari ini, jawapan dari pihak menteri tertentu mengatakan banyak orang haram yang datang ke negara kita ini melalui jalan 'tikus' ataupun tempat yang tidak dibenarkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ding, jalan apa itu?

Tuan Ding Seling: Jalan tikus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jalan tikus.

Tuan Ding Seling: Ya, ini adalah istilah yang digunakan oleh mereka yang datang dari jiran kita ke Sarawak. Apabila mereka tidak datang melalui tempat entry yang disahkan oleh kerajaan, tetapi mengikut jalan antara kampung dari sebelah sana dan kampung sebelah sini yang senantiasanya dilakukan sejak dahulu kala lagi. Seterusnya, keluar dari kampung itu datang ke bandar-bandar besar seperti Kuching. Jadi, mereka kata.....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, itulah yang dipanggil jalan tikus.

Tuan Ding Seling: Inilah yang dikatakan jalan tikus.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tuju ke Kuching. (*Ketawa*)

Tuan Ding Seling: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya tahu sejarah itulah. (*Ketawa*)

Tuan Ding Seling: Bukan ke Kuching sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kucing mungkin boleh tangkap mereka.

Jadi, kalau orang yang jalan tikus itu, yang tidak datang menggunakan passport ataupun cara yang sah. Jadi, kalau mereka yang begitu datang dan kebetulan mungkin ada orang yang bersubahat untuk memberi kad pengenalan tadi, jadi ini satu keadaan yang mungkin mengancamkan keselamatan negara kita di masa hadapan.

Jadi, berbalik Tuan Yang di-Pertua kepada updating tadi, senarai pemilihan-pemilih oleh Suruhanjaya Pilihanraya, saya juga telah dimaklumkan oleh beberapa pihak, ini saya bercakap dari sudut orang-orang yang datang berhijrah dari hulu-hulu. Saya telah dimaklumkan ramai orang dewasa dalam lingkungan umur 20-an, iaitu antara 20 sehingga 30, orang muda-muda lagi yang belum lagi mendaftar sebagai pengundi. Sebabnya ada dua.

Yang pertama, mereka yang mendakwa belum lagi mempunyai kad pengenalan. Ini memang satu perkara yang selalu saya kemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri. Walau pun nampaknya apa yang saya katakan itu macam tuduhan, dakwaan kepada Jabatan Pendaftaran dalam negeri Sarawak dan juga kementerian, tetapi keadaan ini memang betul kerana masih ada juga orang-orang yang dewasa muda, yang belum mempunyai kad pengenalan. Jadi, dari aspek itu, mereka tidak masuk sebagai pemilih ataupun pengundi.

Yang kedua, mereka tidak menjadi pengundi adalah oleh kerana mereka adalah orang berhijrah dari luar bandar ke bandar. Oleh itu, mereka tidak mempunyai alamat yang tetap dan mereka tidak juga berminat untuk pergi ke pejabat untuk mendaftar diri. Jadi, dari aspek ini, saya merayu agar Suruhanjaya Pilihanraya cuba berusaha lebih gigih lagi agar menentukan nama orang yang telah meninggal dikeluarkan daripada senarai mereka dan seterusnya yang penting sekali, orang yang sepatutnya ada dalam senarai itu adalah dalam senarai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri, yang di dalam Jadual Pertama diberi kelulusan RM35.7 juta lebih kurang. Dalam Jadual Kedua, RM140,000 juta. Di sini saya ingin menyatakan persetujuan saya dengan rakan saya, Yang Berhormat Senator Rahim tadi mengenai pemberian wang peruntukan untuk minor rural development (MRD) kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Ini adalah oleh kerana kita Ahli Dewan Negara juga dianggap oleh orang-orang biasa sebagai juga Ahli Parlimen dan tentu ramai orang yang datang, tanya itu, tanya ini, khususnya mengenai projek pembangunan-pembangunan kecil. Jadi, mereka pun meminta supaya dapat bantuan dan selalunya dalam tahun-tahun yang lepas, dalam pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, saya selalu rujuk mereka kepada Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Rakyat yang dipilih. Malangnya dari kawasan saya iaitu kawasan Baram P.191, sehingga bulan April yang lalu iaitu dalam Parlimen yang Kelapan, Ahli Dewan Rakyat kami adalah dari pihak pembangkang sebagai seorang yang terdekat kepada Sahabat Alam. Jadi, apabila saya rujuk mereka kepada beliau, tentulah saya juga dianggap sebagai seorang yang menyokong beliau. Tetapi saya ingin jelaskan memang tidak begitu.

Oleh itu, mereka juga mengatakan bahawa beliau adalah tidak juga diberi peruntukan. Ini memang kenyataan oleh kerana Ahli-ahli Dewan Rakyat yang bukan dari Kerajaan Barisan Nasional tidak diberi peruntukan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu sekarang saya juga ingin rakamkan berbanyak terima kasih kepada kerajaan kerana sekarang ini Ahli Dewan Rakyat kami dari Baram adalah dari Barisan Nasional dan juga seorang lagi Ahli Dewan Rakyat dari suku kaum yang mewakili Orang Ulu dari Hulu Rajang juga adalah dari Barisan Nasional. Jadi, dengan itu walaupun saya menyeru supaya pembahagian peruntukan untuk pembangunan Minor Rural Project (MRP) ini adalah diberi juga kepada pihak ahli-ahli kita dari Dewan Negara ini, tetapi masalah 'immediate problem' saya tadi mengenai pembangunan Minor Rural Project (MRP) sudah pun diselesaikan oleh kerana Ahli Dewan Rakyat dari kawasan saya adalah dari Barisan Nasional.

Sehubungan dengan itu, saya ingin juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita dan di peringkat Negeri, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Ketua Menteri Sarawak yang telah begitu berjaya dan menyebabkan prestasi Barisan Nasional kita begitu cemerlang. Jadi, dari latar belakang yang saya sebutkan tadi memang begitu sukacita kerana keputusan pilihanraya yang baru lalu mempunyai makna yang begitu khusus, yang begitu bermakna bagi saya dan juga bagi orang-orang dari kawasan saya. Sekarang kita bolehlah menyertai rakan-rakan yang lain mendapat peruntukan walaupun RM300,000 dalam setahun, tetapi itupun banyak bermakna.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sehubungan dengan ini, saya ingin merayu walaupun ini mungkin terkeluar daripada tujuan kita sekarang mengenai perumahan. Dari sudut pandangan orang-orang dari luar bandar, kemudahan-kemudahan asas seperti rumah, bekalan elektrik dan telekomunikasi memanglah masih lagi jauh bezanya dari apa yang kita lihat, yang kita nikmati dalam bandar-bandar besar. Khusus dari segi perumahan, kita lihat di tempat-tempat pedalaman di Sarawak dan Sabah yang saya lebih tahu dan saya kurang tahu di Semenanjung, rumah-rumah panjang yang ada oleh kerana ramai orang-orang yang 'able body', dengan izin, orang-orang yang 'economically active' sudah banyak keluar dari kampung, maka rumah-rumah panjang yang jauh dari bandar itu memang begitu usang, ada yang "mobok", kata orang Melayu tempatan. "Mobok" itu sudah rosaklah. Apabila kita hendak menggalakkan pelancong-pelancong, bukan sahaja dari dalam negara kita ini tetapi juga dari luar negeri pergi ke sana, tentulah apa yang mereka lihat bukanlah begitu menarik melainkan tempat-tempat tertentu yang dibina oleh pihak-pihak tertentu, seperti kerajaan ataupun pihak-pihak swasta yang membinakan tempat-tempat yang selesa.

Jadi, dalam perkara perumahan ini saya ingin merayu agar kementerian lihat apakah keperluan-keperluan ataupun apakah yang harus dibuat bagi mereka yang jauh dari bandar, dari rumah-rumah panjang yang masih lagi tinggal di situ demi untuk menentukan bahawa satu lagi perindustrian kita, iaitu pelancongan tidak membawa nama yang kurang baik sekiranya kita menunjukkan tempat-tempat yang begitu usang kepada orang yang datang dari luar negeri. Kerana kita sedia maklum juga orang-orang dari luar negeri bukan sahaja datang melancong hendak melihat, dengan izin, 'enjoy the

scenery only', tetapi mereka juga datang dan melaporkan apa yang telah mereka lihat. Kemungkinan maklumat-maklumat yang kurang baik itu akan dipungut oleh orang-orang seperti Sahabat Alam yang kurang 'friendly', dengan izin, dengan kita, maka mereka akan menggunakan maklumat itu yang mengatakan bahawa kerajaan negara Malaysia adalah menumpuk sahaja pembangunan-pembangunan bandar, tetapi menegenepikan pembangunan-pembangunan orang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah saya hanya mengingatkan kementerian supaya cuba melihat apa yang boleh dibuat. Saya tahu bahawa oleh kerana rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di tempat-tempat seperti negeri yang besar seperti Sabah dan Sarawak itu memang bertaburan jauh sekali memang tidak senang, memang susah untuk menentukan semua menikmati apa yang harus mereka mahu menikmati. Tetapi ada juga tempat-tempat di mana kita boleh membawa mereka ke satu tempat untuk menentukan tempat itu sebagai satu pusat pembangunan ataupun 'growth centre', dengan izin, supaya rumah-rumah panjang, kampung-kampung yang 'half empty, three quarter empty' itu, dengan izin, menjadi sejarah dan mereka yang di luar-luar bandar itu kita tempatkan di satu tempat yang dijadikan sebagai 'growth centre' dengan kemudahan-kemudahan asas yang saya sebutkan awal-awal tadi dan seterusnya juga dengan rancangan-rancangan ekonomi seperti pembangunan tanah ataupun industri-industri yang lain di mana mereka yang ditempatkan di 'growth centre' itu boleh mencari mata pencarian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk teruskan sedikit lagi iaitu mengenai B.34 Kementerian Kesihatan. Pandangan saya dalam aspek ini adalah berkaitan dengan apa yang baru sahaja saya sebutkan tadi mengenai 'rural areas' ataupun tempat-tempat pedalaman. Saya mohon

agar Kementerian Kesihatan juga merancang bersama-sama dengan pihak perancangan negeri untuk membangunkan hospital-hospital di tempat-tempat atau pusat pembangunan. Saya hendak sentuh secara khas daerah saya iaitu Baram misalnya, kalau saya dibenarkan beri misalan, di mana kita ada satu sahaja hospital yang ditempatkan di Marudi, iaitu bandar yang terbesar di situ.

Kalau kita lihat dari segi bilangan doktor di situ, ada 3 orang sekarang dan bilangan penduduk-penduduk di kawasan itu adalah hampir 50.000 orang. Jadi, kalau kita bahagikan 3 dengan 50.000 itu adalah lebih kurang rasionya, kerana beberapa hari yang lalu kita telah diberitahu bahawa bilangan doktor dengan penduduk-penduduk kita di Malaysia ini adalah lebih kurang 800 mengikut jawapan daripada kementerian hari itu. Jika kita lihat dari apa yang saya katakan tadi, ratio di Baram itu memanglah begitu jauh bezanya. Dan seterusnya juga kawasan itu adalah begitu luas, oleh yang demikian, orang-orang yang menikmati perkhidmatan ini adalah orang yang terdekat sahaja, iaitu orang yang dekat dengan hospital.

Saya mengucapkan terima kasih kerana di Sarawak ada perkhidmatan flying doctors, dengan izin. Jadi, itulah satu caranya negara kita untuk menentukan mereka yang jauh itu dapat menikmati perkhidmatan doktor. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana flying doctors itu sekejap ke sana, sekejap ke sini, maka apa yang mereka boleh lakukan adalah untuk melihat sedikit sebanyak apa yang berlaku di situ, iaitu pesakit-pesakit yang datang berjumpa dengan mereka sahaja. Saya tahu bahawa perkhidmatan ini adalah begitu penting dan para doktor khususnya memang telah banyak berusaha untuk menentukan mereka juga memberi perkhidmatan kepada orang-orang luar bandar.

Jadi, yang saya hendak mohon tadi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada rancangan yang dilakukan untuk membangun satu pembangunan, saya memohon supaya Kementerian Kesihatan juga harus fikirkan untuk membina hospital. Sebenarnya, sebuah bandar kecil di Long Lama, Baram, orang ramai di situ telah merayu beberapa kali kepada kerajaan untuk membina sebuah hospital di situ, kerana mereka telah mengemukakan banyak sebab kenapa seharusnya ada perkhidmatan perubatan melalui seorang doktor ataupun klinik yang sepatutnya ada di situ, oleh kerana mereka hanya ada sebuah klinik yang tidak begitu lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Maksud B.36 iaitu mengenai Polis Di-Raja Malaysia. Sejak kolonial dahulu lagi dan juga pada tahun kita mencapai kemerdekaan dalam awal tahun lima puluhan, orang-orang atau anggota polis kita adalah dari seluruh rakyat Malaysia.

Orang-orang dari luar bandar khususnya dari suku kaum bumiputera dari hulu-hulu sungai memang suka pada masa itu hendak menjadi anggota Polis Di-Raja Malaysia. Bagi mereka, Tuan Yang di-Pertua, inilah satu caranya untuk mereka memberi khidmat kepada negara, dan juga inilah caranya mereka menunjukkan bahawa mereka adalah rakyat atau warganegara Malaysia yang begitu taat setia dan patuh kepada undang-undang. Pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah dari mereka yang sekarang sudah tua, sudah lama dalam perkhidmatan, mereka masih lagi berfikiran begitu tetapi ramai daripada mereka yang dari suku kaum seperti yang saya sebut tadi, dari hulu-hulu sungai yang kini sudah tua, hampir pencen dan ada yang sudah pencen dari perkhidmatan Polis Di-Raja Malaysia. Mereka agak kecewa nampaknya kerana tidak melihat orang-orang muda dari hulu-hulu sungai menjadi anggota polis, mahupun Armed Forces. Jadi, mereka selalu menyampaikan

pandangan mereka kepada orang-orang seperti saya, mengapakah orang-orang dari hulu-hulu sungai sedikit benar untuk menjadi anggota Polis Di-Raja. Tuan Yang di-Pertua, selalu saya beritahu mereka, ini adalah disebabkan kita sendiri tidak memohon ataupun kita sendiri yang tidak layak untuk menjadi anggota polis apabila pihak Suruhanjaya Polis datang untuk, dengan izin, me'recruit' mereka.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya jawapan yang saya dapati adalah agak pelik, di mana mereka katakan bahawa kerajaan mungkin memilih siapa yang seharusnya berkhidmat dalam perkhidmatan Polis Di-Raja. Jadi, saya sampaikan perkara ini, oleh kerana saya sendiri sebagai seorang warganegara Malaysia yang taat setia berharap pihak Polis Di-Raja apabila tiba masanya untuk merekrut orang-orang baru supaya dapat meluaskan peluang-peluang itu agar ramailah orang-orang dari berbagai suku kaum dapat berkhidmat dalam pasukan Polis Di-Raja Malaysia, kerana mereka sendiri seperti bapa atau nenek mereka dahulu yang berkhidmat sebagai polis, supaya mereka sendiri menganggap mereka diberi peluang yang begitu baik, bekerja dan berkhidmat untuk negara, dan janganlah mereka berfikir bahawa mereka disingkir dari sesuatu perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang saya ingin sentuh ialah mengenai Maksud B.26, iaitu Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin juga di sini, kerana saya ingin menyeleweng sedikit untuk menyentuh perkara yang lebih am. Tadi, saya sentuh perkara perbualan saya ataupun hubungan saya dengan orang-orang yang membuat dakwaan bahawa mereka telah disingkir dari perkhidmatan seperti Polis Di-Raja Malaysia.

Di sini saya ingin memberi pandangan iaitu satu daripada sebabnya dari pandangan saya sendiri, kenapa orang-

orang di luar bandar tidak dapat atau tidak layak dipilih untuk sesuatu perkhidmatan seperti Polis Di-Raja Malaysia, adalah disebabkan dari segi pendidikan. Saya ingat semua kita tahu perkara ini, oleh yang demikian saya dengan senang hati menyatakan perkara ini di sini, serta merayu supaya pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan cuba teruskan perkhidmatan yang begitu cemerlang sekarang di sekolah-sekolah yang jauh dari bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya dapati dalam peperiksaan UPSR dan juga Tingkatan 3 dan seterusnya SPM apabila kita bandingkan keputusan yang dicapai oleh murid-murid di luar bandar dengan murid-murid di bandar, kualiti keputusan yang dicapai oleh mereka yang di luar bandar itu adalah sangat kurang. Misalnya, mereka yang mendapat gred satu dalam SPM hanyalah seramai dalam lingkungan 15-20 unit sahaja. Bagi rakan-rakan mereka yang bersekolah di bandar keputusan adalah begitu cemerlang sehingga satu unit setiap satu mata pelajaran.

Oleh yang demikian, apabila murid-murid ini memohon untuk mendapatkan bantuan kewangan seperti scholarship JPA, tentu sekali mereka yang mempunyai keputusan yang lebih cemerlang itu diberi pertimbangan, walaupun murid-murid yang daripada luar bandar tadi adalah seorang murid yang baik, yang patuh dan cemerlang dari aspek-aspek yang lain tetapi oleh kerana kualiti keputusan mereka jauh lebih kurang, maka pada anggapan saya pihak autoriti yang tertentu tidak boleh memberi pilihan kepadanya sebagai pilihan mata.

Begitu juga dengan keputusan UPSR - Darjah VI. Saya sebagai bekas seorang guru apabila keputusan ini datang saya selalu melihat dan membandingkan keputusannya. Sentiasa sahaja kita lihat bahawa keputusan sekolah-sekolah dari luar bandar itu memanglah jauh lebih kurang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan dari segi beberapa aspek, pertama sekali dari segi polisi. Walaupun sekarang ini kita mengadakan polisi pendemokrasian pendidikan di mana semua akan diberikan peluang yang sama untuk mendapat pendidikan. Ini adalah satu yang begitu baik dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan mengenai perkara ini. Tetapi bagi mereka yang duduk di luar bandar, polisi ini eloklah dipertimbangkan sedikit di mana kita memberi pertimbangan kepada mereka yang ada potensi lebih daripada murid-murid yang lain iaitu memberikan mereka satu pertimbangan khas supaya mereka yang ada potensi itu ditempatkan di sekolah-sekolah yang lebih baik di bandar dan mereka diberi pendedahan supaya mereka juga dibantu dalam beberapa aspek seperti dari segi kewangan, kerana ramai murid-murid daripada luar bandar ini mempunyai ibu bapa yang tidak berkemampuan dari segi kewangan dan murid-murid yang kita pilih tadi diberi pendedahan khas supaya mereka mendapat pendidikan.

Saya tahu bahawa Kementerian Pendidikan memang ada sekolah-sekolah sains khas mengenai ini. Saya membawakan perkara ini oleh kerana saya memikirkan perkara ini harus diberi pandangan yang lebih oleh kerana ramai murid-murid dari luar bandar yang sepatutnya mendapat pendidikan yang lebih baik daripada apa yang telah mereka dapati, iaitu telah tergendala daripada pendidikan mereka.

Sehubungan dengan itu, saya ingin juga merayu di sini agar Kementerian Pendidikan dan kerajaan memikirkan bagi mengadakan sekolah-sekolah khas yang mempunyai konsep seperti sekolah berasrama penuh di Semenanjung yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang begitu baik di tempat-tempat yang dipilih. Misalnya, di satu bahagian di Sarawak dan sekolah ini dijadikan sebagai sekolah khas yang mempunyai

kelengkapan dari segi fizikal dan juga dari segi guru-guru. Supaya guru-guru yang berpengalaman, yang lebih berdedikasi ditempatkan di situ dan dari situ kita memilih murid-murid yang berpotensi dari sekolah-sekolah di merata tempat yang jauh di luar bandar ditempatkan di situ supaya mereka diberi didikan dan bimbingan. Ini adalah dari segi sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya memohon agar konsep yang sama juga diadakan untuk sekolah menengah, mulai daripada Tingkatan 1 hinggalah ke Tingkatan 5. Saya menyebutkan perkara ini oleh kerana saya berasal dari luar bandar dan saya telah melihat ramai budak-budak sekolah yang sebenarnya mempunyai potensi tetapi telah menjadi 'dropout' oleh kerana tempat-tempat sekolah yang mereka pergi adalah berkurangan.

Saya tidak mendakwa bahawa Kementerian Pendidikan tidak memberi perhatian kepada perkara ini. Ianya memang susah bagi mereka maka itulah sebabnya saya ingin menyarankan atau mencadangkan supaya kita adakan sekolah khas itu supaya kita boleh pilih mereka yang ada potensi itu, supaya jangan ramai yang keciciran dalam pendidikan mereka. Saya rasa inilah satu pendekatan untuk menentukan mereka yang di luar bandar yang jauh daripada sekolah-sekolah yang mempunyai kelengkapan yang baik menyertai pembangunan manusia yang kita selalu dengar untuk menentukan Wawasan 2020 itu tercapai. Kalau tidak, saya khuatir pembangunan manusia dari segi mereka yang jauh dari bandar, di luar-luar bandar yang masih lagi bertaburan di hulu sungai, saya rasa mereka akan ketinggalan. Itulah rasionalnya dan saya ingin menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan memikirkan untuk membangun dan membentuk sekolah-sekolah khas tadi—sekolah khas yang saya maksudkan itu ialah supaya memberi pendedahan yang begitu baik kepada mereka yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya sekali lagi menyokong Akta ini agar wang yang disebutkan itu boleh digunakan. Walaupun dalam fikiran saya, sebagai orang biasa apabila melihat wang yang banyak itu, saya pun mempunyai fikiran yang sama dengan rakan saya Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi mengatakan kenapa ini banyak sangat? Adakah budget kita dahulu kurang tepat? Tetapi apabila telah mendengar penjelasan Yang Berhormat tadi, kita tahulah bahawa ada aspek-aspek yang tertentu yang kita tidak boleh anggar dalam budget kita. Maka dengan itu saya tidak 'quarrel' dari aspek itu dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Frankie.

6.20 ptg.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan ringkaskan perbahasan saya dengan dua perkara sahaja. Satu perkara yang hangat diperbahaskan oleh tiga pembahas terdahulu daripada saya iaitu Suruhanjaya Pilihanraya yang memperuntukkan RM6.2 juta bagi perbelanjaan pilihanraya peringkat negeri Sabah tahun 1994 dan persediaan pada tahun 1995. Begitu juga peruntukan sejumlah RM36.5 juta untuk pilihanraya umum baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya telah bercakap mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya di mana pemindahan nama-nama pemilih daripada daftar pemilih dari satu tempat pengundian kepada satu tempat pengundian, nampaknya adalah berleluasa di seluruh negara termasuklah di Sabah. Begitu juga

disebutkan nama-nama orang-orang yang telah meninggal masih juga terdapat dalam daftar pemilih, walaupun sipemilih atau pengundi itu telah pun meninggal dunia mungkin melebihi lima atau sepuluh tahun. Satu perkara lagi yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba di mana pengundi-pengundi ada mengundi dua kali dengan cara menggunakan kad pengenalan lama dan baru.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di negeri Sabah, pilihanraya yang lalu telah mendapat banyak sungutan daripada pengundi-pengundi di mana perkara-perkara yang telah disebutkan itu berlaku. Oleh kerana sungutan itu, maka kita telah menjalankan satu pengkajian bagi pihak parti SAPP, satu jawatankuasa telah ditubuhkan yang telah dipengerusikan oleh saya sendiri, telah mengkaji daftar pemilih bagi tahun 1995, di mana jawatankuasa ini dibentuk bertujuan membantu kerajaan untuk melihat masalah-masalah yang timbul dalam menjaga nama baik proses pilihanraya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pengkajian dijalankan, kita dapat meneliti bahawa dalam daftar pemilih bagi tahun 1995 di negeri Sabah terdapat seramai 11,851 kad pengenalan yang berganda ataupun dua orang menggunakan satu kad pengenalan dan terdapat juga tiga orang menggunakan satu kad pengenalan, iaitu seramai 147 orang. Dalam perkara ini kita memintalah supaya Suruhanjaya Pilihanraya dapat menjalankan tanggungjawab mereka lebih bertanggungjawab dari perkara-perkara sedemikian dapat dibersihkan.

Saya sentuhkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini untuk menarik perhatian kepada Kementerian Dalam Negeri dan khususnya kepada Jabatan Pendaftaran Negara supaya perkara ini dapat sama-sama kita periksa untuk menjaga nama baik negara kita. Satu kertas kerja dengan semua senarai nama-nama yang lengkap seramai 11,851 dan

juga 147 orang ini telah pun kita serahkan kepada pegawai Suruhanjaya Pilihanraya pada 12hb Jun di Kota Kinabalu. Kita mengharapkan Suruhanjaya Pilihanraya dapat menyemak nama-nama pemilih ini dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan kita minta kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara supaya semua senarai-senarai ini dapat disemak supaya dapat menentukan siapakah pemegang kad pengenalan yang sah.

Itulah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya perkara ini tidak diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab—pihak-pihak pembangkang untuk meningkatkan isu-isu mereka di mana mereka gunakan ini sebagai satu alasan apabila mereka sudah kalah dalam pilihanraya, mereka gunakan isu-isu ini untuk menakut-nakutkan pengundi-pengundi terutama sekali di peringkat luar-luar bandar. Jadi, kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita mahu melihat supaya proses pemilihan pilihanraya di negara kita ini adalah satu perjalanan proses pilihanraya yang penuh dengan demokrasi.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya ingin menyentuh dengan Jabatan Imigresen yang telah diperuntukkan sebanyak RM5,280,500 di mana sebahagiannya telah diuntukkan untuk pembaikan ataupun penyelenggaraan Pejabat-pejabat Imigresen di Sipitang, Kudat dan juga di Semporna, Sabah. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memberi peruntukan untuk lebih memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna diketiga-tiga kawasan tersebut. Walaupun demikian, saya ingin membawa perhatian kementerian mengenai Jabatan Imigresen Kota Kinabalu dengan perhatian saya sendiri di mana ruang Pejabat Imigresen itu untuk orang-orang membuat pasport nampaknya begitu sesak dan kecil sekali. Kalau saya tidak silap, orang-orang mengguna tempat itu ialah lebih kurang berukuran 20' X 20', iaitu lebih kurang empat ratus kaki persegi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Frankie, panjang lagikah?

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pendek, ada dua minit lagi. Kalau panjang, boleh dua minit, kemudian sambung.....

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Dua minit boleh selesai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Jadi, satu tempat yang begitu kecil sekali, saya lihat pada jam 10.30 apabila orang-orang yang datang ke Pejabat Imigresen untuk berbaris mengambil nombor, jam 10.30 sudah kehabisan. Mereka disuruh balik pada jam 2.00. Pada jam 3.00 sudah habis nombor. Mereka disuruh balik untuk keesokan hari. Jadi, dalam perkara ini, saya memintalah supaya pihak kementerian dapat melihat supaya dapat memperbesarkan perkhidmatan ataupun kawasan ini supaya memberi keselesaan kepada pengguna di Kota Kinabalu dan juga mungkin pegawai-pegawai yang berkurangan ini dapat ditambah.

Saya memuji perkhidmatan Jabatan Imigresen yang begitu efficient sekali. Tetapi kemungkinan tidak mencukupi kakitangan dan juga ruang yang tidak mencukupi, maka tergendalalah kepada pengguna-pengguna yang sering berulang-alik dua atau tiga kali untuk mendapat nombor giliran mereka bagi mendapatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat masa begitu tepat sekali untuk saya berhenti.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh lagi siapa hendak bercakap satu minit, kemudian sambung hari Isnin. Sila Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah.

6.29 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyuarakan sokongan saya di dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong Rancangan Undang-undang yang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 1994 dan 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah, duduklah, sebanyak itu sahaja. Kita sambung pada hari Isnin.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin 10hb Julai 1995.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.